

**PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA SEKTOR PENDIDIKAN
DI PERAK: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT MELAYU PERAK**

KHAIRUL AZHAR BIN ABDUL AZIZ

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA SEKTOR PENDIDIKAN
DI PERAK: KAJIAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT MELAYU PERAK**

KHAIRUL AZHAR BIN ABDUL AZIZ

**DISSERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: (No. K.P/Pasport:)

No. Pendaftaran/Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petika, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jug acara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:
Jawatan:

ABSTRAK

Bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah terpenting yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Terdapat beberapa golongan yang kurang bernasib baik dari segi kewangan untuk meneruskan pelajaran seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang hanya bergantung harap kepada zakat pendidikan untuk melunaskan yuran persekolahan dan mendapatkan bantuan persekolahan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti skim dan bentuk bantuan pendidikan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Perak (MAIAMPk) kepada golongan asnaf dalam menyambung pelajaran di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi serta menilai semula skim bantuan pendidikan dan kaedah penentuan had kifayah kepada golongan asnaf dalam bidang pendidikan. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual. Manakala metod analisis data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan sampel data-data kutipan dan agihan zakat yang dilakukan oleh MAIAMPk serta merumuskan keberhasilan pengagihan zakat dalam sektor pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi golongan asnaf dalam membantu membasmi kemiskinan jangka masa panjang dan cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan golongan asnaf. Kajian ini turut mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil bagi menghadapi cabaran masa kini sebagai salah satu usaha oleh MAIAMPk untuk memastikan peranan zakat pendidikan tercapai selari dengan objektif pensyariatan zakat kepada umat Islam di masa akan datang.

ABSTRACT

Educational funding is one of the most important forms of fundings to the poor and needy recipients because education is one of the most important methods that can change the lives of these people and issue of poverty. There are a few of the less fortunate financially to pursue such as the poor and needy recipients who only rely on obligatory education for school fees paid and receive aid. The aim of this study was to identify schemes and forms of educational assistance given by the Majlis Agama Islam Perak (MAIAMPk) to the recipients in their studies at the school level or at the level of higher education as well as re-evaluate educational support schemes and methods of determining the limit kifayah to the recipients in the field of education. This study used a qualitative research methodology, namely by collecting data through library research and field research using interview methods. While the method of data analysis using inductive methods. This study used a sample of the data collection and distribution of zakat made by MAIAMPk and formulate the success of the distribution of zakat in the education sector. The results showed that the obligatory education plays a very important role for the recipients to help eradicate poverty and long-term challenges faced by institutions in distributing zakat obligatory education the recipients. The study also suggests a number of approaches that can be taken to meet the challenges of today as one of the efforts by MAIAMPk to ensure the obligatory role of education in line with the objectives achieved pensyariatan alms to Muslims in the future.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin Allah SWT disertasi ini dapat disiapkan engan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada Dr. Luqman bin Hj. Abdullah selaku penyelia yang banyak membantu dan membimbing sehingga disertasi ini dapat disempurnakan dengan baik. Semoga Allah memberkati usaha dan kesabaran beliau atas kejayaan ini.

Tidak lupa juga kepada isteri Nurul Iffah bt Hj Anwar dan anak-anak, ibubapa Hj Abdul Aziz bin Mat Jais dan Hjh Hairunishah bt Hj Harun, ibubapa mertua, adik-beradik serta saudara-mara yang telah memberi idea dan semangat kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Akhir kalam, semoga disertasi ini memberi sedikit sumbangan dalam penulisan akademik dan membantu memperkuuhkan penulisan yang sedia ada.

Sekian, *jazakallahu khairan kathira.*

KHAIRUL AZHAR BIN HJ ABDUL AZIZ
No.17, Hala Persahabatan Timur 2,
Taman Mewah,
31150 Ipoh, Perak
E-mel: khairulazhar.aa@gmail.com
H/P:

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

Perakuan Keaslian	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Gambar Rajah	x
Senarai Jadual	xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Skop Kajian	18
1.8 Kajian-Kajian Lepas	19
1.9 Metodologi Kajian	26
1.10 Penutup	29

BAB 2: PENGENALAN DAN PENGURUSAN ZAKAT

2.1 Pengenalan Zakat	31
2.2 Definisi Zakat	32
2.3 Zakat Menurut Al-Qur'an Dan As-Sunnah	33
2.3.1 Zakat Menurut Al-Qur'an	33
2.3.2 Zakat Menurut As-Sunnah	34
2.4 Kedudukan Zakat Dalam Islam	36
2.5 Pungutan dan Agihan Zakat	37
2.6 Golongan Asnaf Yang Layak Menerima Zakat	39
2.7 Objektif Syarak Di Sebalik Kewajipan Zakat	44
2.8 Mekanisme Pengurusan Zakat	45
2.9 Asnaf fisiabilitah dalam sektor pendidikan	47
2.9 Penutup	50

BAB 3: ZAKAT PENDIDIKAN DI PERAK

3.1 Pengenalan	52
3.2 Zakat dan Pendidikan	52
3.3 Pengenalan Pendidikan	54
3.4 Pendidikan Dalam Islam	54
3.5 Zakat Dalam Pembangunan Sektor Pendidikan	56
3.6 Latar Belakang MAIAMPk	57
3.7 Pengurusan Zakat Dalam Pendidikan di Perak	62
3.8 Konsep Had Kifayah Dalam Penentuan Zakat	64
3.8.1 Pengiraan Had Kifayah Bagi Kawasan Bandar	66
3.8.2 Pengiraan Had Kifayah Bagi Kawasan Luar Bandar	67
3.9 Penutup	69

BAB 4: ANALISIS AGIHAN ZAKAT TERHADAP SEKTOR PENDIDIKAN DI PERAK

4.1 Pengenalan	71
4.2 Pelaksanaan Zakat di Negeri Perak	71
4.2.1 Pelaksanaan Kutipan Zakat Di Perak	73
4.2.1.1 Kutipan dan Bilangan Pembayar Zakat Harta dan Fitrah	74
4.2.2 Pelaksanaan Agihan Zakat di Perak	76
4.2.2.1 Agihan Zakat dan Bilangan Penerima Zakat Mengikut Kategori Asnaf	78
4.3 Kelayakan Zakat Pendidikan Bagi Golongan Asnaf	79
4.4 Pengurusan Agihan Zakat Dalam Pembangunan Sektor Pendidikan di Perak	81
4.5 Penentuan Had Kifayah dan Hubungannya Dengan Pendidikan di Perak	85
4.5.1 Penentuan Kadar Had Kifayah	86
4.5.2 Penentuan Kadar Had Kifayah Dalam Pendidikan	88
4.6 Penutup	90

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan	91
5.1.1 Aspek Pelaksanaan Zakat Dalam Penentuan Had Kifayah	91
5.1.2 Pengagihan Zakat Membantu Mengatasi Masalah Keciciran Pelajaran	93
5.1.3 Aspek Kutipan Zakat Daripada Golongan Asnaf	94
5.1.4 Aspek Agihan Zakat Kepada Asnaf Dalam Pendidikan	95
5.2 Cadangan	96
5.3 Penutup	99
Bibliografi	101

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1 : Populasi Penduduk Di Negeri Perak Mengikut Agama	5
Rajah 1.2 : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik di Bandar Ipoh, Perak	7
Rajah 1.3 : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik di Luar Bandar, Perak	8
Rajah 1.4 : Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri di Malaysia	10
Rajah 4.1 : Kadar Kutipan Zakat di Perak Bagi Tahun 2015	73
Rajah 4.2 : Kadar Pengagihan Zakat di Perak Bagi Tahun 2015	75

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 : Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan Oleh Institusi Zakat di Malaysia	11
Jadual 3.1 : Data Kutipan Zakat di Negeri Perak	61
Jadual 3.2 : Data Agihan Zakat di Negeri Perak	62
Jadual 3.3: Pengiraan Had Kifayah di Perak (Kawasan Bandar)	65
Jadual 3.4: Pengiraan Had Kifayah di Perak (Kawasan Luar Bandar)	66
Jadual 4.1 : Statistik Kutipan Zakat dan Bilangan Pembayar Zakat Harta dan Fitrah di Perak	73
Jadual 4.2 : Statistik Agihan Zakat dan Bilangan Penerima Mengikut Kategori Asnaf di Perak	76
Jadual 4.3 : Perbelanjaan Zakat Bagi Program Pembangunan Pendidikan di Perak	80
Jadual 4.4 : Kadar Bantuan Program Pembangunan Pendidikan di Perak	82
Jadual 4.5 : Perbezaan Penentuan Had Kifayah Kawasan Bandar Dan Luar Bandar	86
Jadual 4.6 : Skim Bantuan Zakat Bagi Program Pendidikan di Perak	88

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سَأَلَ	sa'ala
ب	b	بَدَلَ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثُورَةٌ	thawrat
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	Hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhhab
ر	r	رَحْمَنٌ	Rahman
ز	z	رَزْمٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sh	شَمْسٌ	shams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	ḍamīr
ط	ṭ	طَاهِرٌ	ṭāhir
ح	ḥ	حَدِيثٌ	Hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhhab
ر	r	رَحْمَنٌ	Rahman

ز	z	رَمْزٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sh	شَمْسٌ	shams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	ḍamīr
ط	ṭ	طَاهِرٌ	ṭāhir
ظ	ẓ	ظُهُورٌ	ẓuhr
ع	‘	عَبْدٌ	‘abd
غ	gh	غَيْبٌ	ghayb
ف	f	فِقْهٌ	fiqh
ق	q	قَاضِيٌّ	qādī
ك	k	كَاسٌ	ka’s
ل	l	لَبَنٌ	laban
م	m	مِزْمَارٌ	mizmār
ن	n	نَوْمٌ	nawm
هـ	h	هَبَطَ	habaṭa
وـ	w	وَصَلَ	waṣala
يـ	y	يَسَارٌ	yasār

VOKAL PANJANG



Huruf Arab

ا ، ي

Huruf Latin

ā

كَاتِبٌ، قَضَىٰ

Contoh Asal

Contoh Transliterasi

kātib, qaḍā

يـ

ī

كَرِيمٌ

karīm



وـ

ū


حُرُوفٌ

ḥurūf

VOKAL PENDEK

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
	a		fa ^c ala
	i		hasiba
	u		kutiba

DIFTONG

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
	aw		qawl
	ay		sayf
	iyy/i		raj ^c iyy / raj ^c i

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima dan merupakan tangungjawab sosial yang mesti dilaksanakan.¹ Kalimah zakat dari segi kata dasarnya bermaksud berkat, tumbuh, bersih dan baik.² Sesuai dengan pelbagai maksud ini, zakat sebenarnya adalah merupakan satu konsep yang sangat luas dan terperinci. Terangkum dalam maksud zakat ialah sedekah. Al-Mawardi menyatakan sedekah itu zakat dan zakat itu sedekah.³

Zakat merupakan harta yang wajib dikeluarkan apabila telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh agama, dan disalurkan kepada orang-orang yang telah ditentukan. Dana zakat hendaklah diagihkan kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Al-Qur'an.

Firman Allah SWT:

"Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekaan hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Surah at-Taubah (9): 60

¹ Baharuddin Sayin *et. al.* (2008), *Pengurusan Zakat Model UiTM*, Shah Alam: Unit Penerbitan Universiti, hal 1.

² Mu'jam Wasith, juz 1, m.s 398.

³ Mawardi. 'Ahkām al-Sultāniyyah', t.p, h 9.

Daripada ayat di atas, dapat disimpulkan bahawa dana zakat wajib diajarkan kepada asnaf-asnaf yang layak seperti fakir dan miskin, amil, mualaf, fisabilillah, gharimin, ibni sabil dan riqab. Dana zakat yang diajarkan kepada lapan asnaf pada masa kini wujud dalam pelbagai bentuk agihan.⁴ Ia merangkumi agihan zakat seperti pendidikan, pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan institusi agama dan juga pembangunan modal insan.⁵ Kewajipan zakat kepada individu Muslim adalah sama sepetimana kefarduan solat untuk menjadi seorang Islam yang sempurna. Ia mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan perkataannya dengan solat di dalam Al-Quran. Kewajipannya mempunyai pelbagai objektif sosio-ekonomi yang positif bukan sahaja kepada penerima zakat bahkan kepada pembayar zakat dan masyarakat keseluruhannya.

Objektif utama pengagihan dana zakat mengikut pendapat Al-Qaradawi (1973) dalam bukunya yang bertajuk ‘Fiqh al-Zakat’ ialah untuk mempertingkatkan nilai hidup pemberi, membersihkan dan menyuburkan harta, membantu pihak yang memerlukan serta memperkuatkan jaminan sosial. Daripada objektif-objektif yang disebutkan ini seperti zakat dapat menyuburkan harta menjelaskan bahawa zakat dapat memperkembangkan lagi harta yang diberikan serta menambah keberkatannya.

Secara realitinya, harta yang dizakatkan dilihat akan berkurangan pada mata kasar manusia, tetapi sebaliknya jika ditelusuri akan hikmah pemberian zakat ini maka dapat disimpulkan bahawa pada hakikatnya harta zakat ini dapat meningkatkan kegiatan ekonomi masyarakat seterusnya membantu negara ke arah ekonomi negara yang

⁴ Mohamed Izam, M. Y. (2010), Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan. *Zakat Transformation: From Subsistence to Productive*. (Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember). Malaysia: Penang.

⁵Ahmad Shahir, M. (2007), Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS. *Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah kemajuan Ekonomi Ummah*. (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Cukai dan Zakat Kebangsaan, Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, 23 Mei). Malaysia: Kuala Lumpur.

berpendapatan tinggi.⁶ Justeru itu, pembangunan masyarakat dari segi kehidupan yang lebih baik seperti bebas dari belenggu kemiskinan di kalangan asnaf, kemajuan ekonomi dan pendidikan dapat dilaksanakan dengan menggunakan dana zakat yang telah dikutip. Ini bertepatan dengan tujuan pensyariatan zakat iaitu untuk membantu golongan asnaf selain menyucikan harta yang diperolehi.

Di samping itu, pengurusan kutipan dan agihan dana zakat yang betul khususnya oleh para amil zakat dapat menjamin halatuju dan matlamat penggunaan dana zakat iaitu sebagai pemangkin perkembangan sosio dan ekonomi ummah seterusnya ekonomi negara. Hal ini juga mengambil kira sumbangan zakat pendidikan melalui pelbagai bentuk dan skim yang diberikan kepada golongan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin. Secara umumnya zakat dapat mengukuhkan sistem jaminan sosial dan ia merupakan langkah awal yang sepatutnya ditangani dengan baik untuk menuju satu sistem ekonomi Islam yang sempurna.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Dalam Islam, kewajipan zakat memiliki makna yang sangat fundamental, selain berkait rapat dengan aspek Ketuhanan,⁷ zakat juga mempunyai kaitan dengan aspek sosial, ekonomi dan kemasyarakatan. Zakat mempunyai peranan sebagai pengagihan penghasilan daripada golongan yang mampu kepada golongan yang kurang atau tidak mampu, dan merupakan pengembalian sebahagian harta kekayaan orang-orang yang mampu untuk menjadi milik orang yang tidak berharta atau berpunya.⁸

⁶Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). *Pengurusan Zakat*. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷Dalam konteks ini, zakat dapat dilihat sebagai salah satu kewajipan umat Islam yang terdapat di dalam Rukun Islam yang ketiga. Selain itu, di dalam AL-Qur'an terdapat banyak ayat perintah menunaikan zakat dan terdapat 27 ayat yang menyarankan kewajipan zakat dengan kewajipan solat secara bersama.

⁸H. Zainal Abidin Ahmad (1979), *Dasar-Dasar Ekonomi Islam*, Cetakan IV. Jakarta: Bulan Bintang, h. 88.

Isu kemiskinan di Malaysia sudah diperkatakan sejak sekian lama. Usaha pembasmian kemiskinan telah pun bermula sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1970. Sehingga kini, pelbagai usaha dan projek pembangunan dijalankan oleh kerajaan untuk golongan fakir miskin seperti Program Pembasmian Kemiskinan, Program Keusahawanan dan Program Pembangunan Ekonomi.

Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun, terus melaksanakan pelbagai usaha-usaha membasmi kemiskinan sama ada di peringkat negara maupun di peringkat negeri. Malaysia juga dikenali sebagai negara yang mengelolakan aktiviti Islam dengan cara memastikan banyak peluang pendidikan dan program pembasmian kemiskinan.⁹ Golongan miskin merupakan sebahagian daripada populasi golongan berpendapatan rendah dan dengan memahami kehidupan golongan ini, kesukaran dan tekanan yang mereka hadapi boleh dikenal pasti.¹⁰


Kajian ini dijalankan iaitu bertajuk Pengagihan Zakat Terhadap Sektor Pendidikan Di Perak: Kajian Di Majlis Agama Islam Dan ‘Adat Melayu Perak (MAIAMPk) ialah bertujuan untuk melihat sejauhmana pengagihan sumbangan zakat dapat membantu golongan asnaf dalam melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan mengeluarkan diri daripada kategori asnaf fakir dan miskin. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti kaedah pemberian zakat kepada golongan asnaf mengikut had kifayah (purata garis kemiskinan zakat) dalam meningkatkan taraf pendidikan umat

⁹ Julie Chernov Hwang (2007), “Islamic Mobilization and The Malaysian State”, *KATHA The Official Journal of The Centre for Civilisational Dialogue* vol.3 http://myais.fsktm.um.edu.my/5435/1/4_-Islamic_Mobilization_and_the_Malaysian_State.pdf. 12 Februari 2008.

¹⁰ Mohd Amim Othman (2004), “Golongan Berpendapatan Rendah:Perspektif Islam”, dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (ed.), *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*.Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h.32.

Islam dan ia hanyalah tertumpu di negeri Perak sama ada di dalam kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Penekanan pendidikan juga perlu diberi perhatian kepada golongan Muslim agar tidak keciciran dari segi pembelajaran berbanding kaum dan agama lain. Jika dilihat purata penduduk Muslim di negeri Perak, jumlah bilangan penduduk Muslim ialah 55.3% sahaja berbanding jumlah keseluruhan penduduk di negeri tersebut. Ini sebagaimana di dalam rajah berikut:



Rajah 1.1: Populasi Penduduk Di Negeri Perak Mengikut Agama, 2010.


(Sumber: Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010)

Berdasarkan bancian daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Islam merupakan agama majoriti anutan penduduk di Malaysia iaitu sebanyak 61.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk iaitu sebanyak 28,334,135 penduduk pada tahun 2010. Ini diikuti Buddha 19.8%, Kristian sebanyak 9.2%, Hindu sebanyak 6.3% dan lain-lain

3.4%. Berdasarkan statistik di atas pula menunjukkan taburan penduduk Muslim di negeri Perak yang mencatatkan sebanyak 55.3%, diikuti Buddha 25.4%, kemudian Hindu 10.9%, diikuti Kristian 4.3%, dan lain-lain 4.1%.

Berdasarkan statistik juga menunjukkan umat Islam masih dianggap tidak kuat kerana mereka hanya mewakili 55.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri Perak iaitu sebanyak 2,352,743 penduduk pada tahun 2010. Ia bertambah parah sekiranya kita dikaitkan dengan masalah kualiti umat Islam seperti terutamanya taraf pendidikan, pencapaian ekonomi, masalah sosial dan sebagainya. Oleh kerana itu, usaha-usaha memperkuuhkan umat Islam mesti diusahakan dari semasa ke semasa antaranya dengan memberi bantuan zakat pendidikan kepada golongan yang tidak berkemampuan dalam melanjutkan pelajaran agar dapat meningkatkan taraf pendidikan umat Islam di negeri Perak khususnya dan di Malaysia amnya.

Penekanan pendidikan juga seharusnya dititikberatkan terutamanya di negeri Perak sama ada penduduk Muslim tersebut berada di dalam bandar maupun di luar bandar. Perbezaan kawasan penduduk juga memberi kesan terhadap taraf pendidikan umat Islam yang mengambilkira suasana kawasan, kemudahan pengangkutan, taraf ekonomi dan kos kehidupan terhadap penduduk bagi kedua-dua kawasan tersebut. Mengikut jumlah bilangan penduduk di bandar dan di luar bandar, ini dapat dilihat di dalam laman sesawang Majlis Bandaraya Ipoh mengenai taburan penduduk mengikut jumlah etnik bagi kawasan bandar di Bandaraya Ipoh, ini dapat dilihat sebagaimana di dalam rajah berikut:




Jumlah Penduduk

Rajah 1.2: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Di Bandaraya Ipoh, Negeri Perak, 2010.

Merujuk kepada populasi kaum yang terdapat di kawasan Bandar khususnya di Bandaraya Ipoh, ini menunjukkan bahawa bangsa Cina mempunyai jumlah yang majoriti iaitu seramai 8330 orang, diikuti Melayu seramai 5368 orang, Hindu seramai 3608 orang, dan lain-lain seramai 47 orang. Ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk di kawasan Bandar terutamanya di Bandaraya Ipoh adalah berbangsa Cina dan kebanyakannya peluang pendidikan oleh bangsa Melayu adalah terhad disebabkan kadar kemiskinan yang tinggi serta persaingan dengan bangsa-bangsa yang lain.

Bagi kawasan di luar bandar pula, ini dapat dilihat mengenai taburan penduduk bagi kawasan luar bandar di negeri Perak. Ini sebagaimana di dalam rajah berikut:



Rajah 1.3: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Di Luar Bandar, Negeri Perak, 2010.

Statistik di atas menunjukkan bilangan penduduk di luar bandar di negeri Perak iaitu selain daripada Bandaraya Ipoh yang mencatatkan bilangan Melayu dengan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 1,232,989 (56%), diikuti Cina sebanyak 685,067 (31.1%), kemudian Hindu sebanyak 278,080 (12.62%) dan lain-lain sebanyak 5992 (0.28%).

Pengenalan pembangunan pendidikan dipercayai dapat menjadikan sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara teguh dan digeruni oleh pihak lain.¹¹ Di Malaysia, misalnya pembangunan sistem pendidikan telah dilaksanakan bertujuan melahirkan modal insan kelas dunia yang mampu berhadapan dengan cabaran era globalisasi.¹² Antara punca masyarakat Melayu keciciran pendidikan adalah disebabkan kekurangan sumbangan dan saluran bantuan daripada pihak berwajib kepada golongan

¹¹ Hassan Mat Nor (1998) “Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan”. In: Hassan Ishak (ed) Orang Asli dan cabaran pembangunan masa kini: Usaha dan tindakan yang direncanakan oleh JHEOA, Penerbit UKM, Bangi, h. 109-110.

¹² Ishak bin Sin, Nor Asikin Salleh (2003) Era globalisasi: Pendidikan dan cabaran. Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan 13. h. 14–28 .

yang memerlukan terutamanya dari sudut pendidikan. Ini juga disebabkan penentuan garis purata kadar kemiskinan bagi setiap isi rumah yang boleh dikategorikan sebagai fakir dan miskin dan juga penentuan kadar had kifayah kepada golongan asnaf bagi pelan program pendidikan yang terhad di negeri Perak. Penentuan inilah yang dapat memberikan seseorang itu layak untuk menerima zakat mahupun sebaliknya.

Kebanyakan institusi zakat menggunakan pendekatan kewangan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan kaedah Had Kifayah (Purata Garis Kemiskinan Zakat). Kaedah pengiraan Had Kifayah (HK) adalah hampir sama dengan Purata Garis Kemiskinan (PGK) kerana ia menggunakan pendapatan sebagai pembolehubah untuk menentukan sama ada individu atau isi rumah itu miskin atau sebaliknya.¹³ PGK didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan minimum termasuklah makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa (EPU, 2012). PGK ini telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, manakala Had Kifayah ditentukan oleh institusi zakat negeri masing-masing.


Penggunaan Had Kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin. Al-Qardawi¹⁴ mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan keselesaan untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti di mana kesan pengagihan

¹³ Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh, Nor Aini Haji Idris. (2011) "Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: A Theoretical Survey." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45, h. 123 – 129.

¹⁴ Yūsuf al-Qardhāwī (2000), *Fiqh al-Zakāh*, English Translation by Monzer Kahf, Jeddah, Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.

zakat adalah untuk mencapai atau mengcukupi taraf hidup Keperluan Asas (*Daruriyyat*) dan Keselesaan (*Hajiyyat*).¹⁵

Jika dilihat dari sudut kemiskinan di antara negeri, masih terdapat lagi negeri-negeri yang mempunyai taraf kemiskinan yang membimbangkan. Berdasarkan rajah berikut menunjukkan data paras kemiskinan mengikut negeri-negeri oleh Jabatan Perangkaan yang diperolehi daripada laman sesawang Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.



Rajah 1.4: Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri di Malaysia, Tahun 2014

(Sumber: Unit Perancangan Ekonomi,

Jabatan Perdana Menteri, 2015)

Jika dilihat secara purata kadar kemiskinan mengikut negeri di Malaysia, negeri Perak juga tergolong dalam kalangan antara lima buah negeri yang mempunyai tahap

¹⁵ Mohd Parid Syeikh Ahmad (2001), "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam." Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 20-21.

kemiskinan yang tertinggi selain Sabah, Sarawak, Kelantan dan Pahang. Walaupun terdapat beberapa buah negeri yang mencapai tahap 0.0 peratus kemiskinan, kadar kemiskinan di negeri Perak mencapai tahap yang perlu diberi perhatian dan diatasi. Kadar kemiskinan ini juga akan memberi kesan terhadap beberapa aspek antaranya dari sudut pendidikan.

Di Malaysia, pungutan zakat semakin meningkat dari semasa ke semasa khususnya di Perak. Disebabkan itu, zakat berperanan sebagai kaedah dalam mengurangkan kemiskinan. Kutipan zakat boleh digunakan untuk mewujudkan tarikan dana yang boleh digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pembentukan dan boleh mengantikan perbelanjaan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa zakat mempunyai peluang yang tinggi bagi mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan serta dapat memberi sumbangan terhadap sektor pendidikan di Perak khususnya dan di Malaysia amnya. Ini dapat dilihat di dalam jadual berikut yang mencatatkan skim-skim dan jenis-jenis bantuan dalam program pendidikan yang telah diagihkan mengikut kategori setiap negeri.

Jadual 1.1: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan Oleh Institusi Zakat di Malaysia (USIM, 2014)¹⁶

NO.	NEGERI	SKIM DAN BENTUK BANTUAN PENDIDIKAN	ASNAF
1	Perak	Bantuan Am Pelajaran, Bantuan Persekolahan, Tambang Perjalanan Pergi dan Balik Belajar Luar Negara, Per-kapita Sekolah Agama Rakyat, Per-kapita Sekolah Latihan Wanita, Dermasiswa Dalam dan Luar Negara, Sewa Kelas Fardhu ‘Ain SAudara Kita, Skim Latihan Kemahiran Asnaf, Skim Biasiswa	Fakir dan Miskin, Ibnu Sabil, <i>Mualaf</i> , <i>Fisabilillah</i>

¹⁶ Azman Ab Rahman (2014), “Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia”, USIM.

		Pelajaran Baitulmal.	
2	Selangor	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Biasiswa Pelajaran, Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru KAFA, Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	Fakir dan Miskin, <i>Mualaf, Fisabilillah</i>
3	Negeri Sembilan	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS kali ke-2 dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam Tahun 2013 di Royale Bintang, Seremban.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
4	Johor	Skim Bantuan Pelajaran, Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA, Skim Bantuan Awal Tahun Persekolahan (Pakaian Seragam), Skim Bantuan Basikal Pelajar, Skim Bantuan Cermin Mata, Skim Bantuan Pendidikan di Universiti, Skim Bantuan Pembiayaan Tambang Ke Pusat Pengajian, Skim Pinjaman Pengajian.	Fakir dan Miskin
5	Kelantan	Bantuan Persekolahan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), Biasiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bantuan	Fakir dan Miskin

		Kepada Sekolah Pondok, Biasiswa Tengku Anis.	
6	Terengganu	Bantuan Persekolahan, Skim Bantuan Dermasiswa (IPTA/IPTS), Skim Bantuan Pondok/Madrasah	Fakir dan Miskin
7	Kuala Lumpur	Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB), Biasiswa Baitulmal/Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Bantuan Persediaan IPT.	Fakir dan Miskin
8	Perlis	Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan Persekolahan Menengah dan Rendah, Bantuan Sekolah, bantuan Pelajaran, Bantuan Pelajaran Timur Tengah, Bantuan Sekolah dan Institusi Agama.	Fakir dan Miskin
9	Pulau Pinang	Bantuan Pendidikan, Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT Dalam dan Luar Negara, Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat, Pendidikan Khusus Kecemerlangan Minda, Kelas Persediaan Belajar, Bantuan Yuran Sekolah Rendah/Menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan.	Fakir dan Miskin

10	Sarawak	Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah, Yuran/Kelengkapan Persekolahan, Bantuan Pengajian ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran, Bantuan Kertas Kerja Projek (Tesis).	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
11	Kedah	Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh Ke IPT Tempatan Penuntut Miskin.	Fakir dan Miskin
12	Melaka	Bantuan Kelas Tuisyen dan Motivasi Pelajar, Pembiayaan Pinjaman Biasiswa Pengajian Tinggi Islam, Bantuan Yuran Persekolahan.	Fakir dan Miskin
13	Sabah	Yuran Pendaftaran Pengajian IPT/S, Dermasiswa Pengajian IPT/S, Tiket Penerbanagan ke IPT/S di Semenanjung Malaysia.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>

1.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah atau tiket penting yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Kepantasan arus globalisasi kesan daripada kepantasannya teknologi dan jaringan maklumat telah memberi impak yang besar ke atas sistem pendidikan pada peringkat rendah, menengah dan tinggi.¹⁷ Pendidikan peringkat menengah dan rendah merupakan asas untuk mencapai pendidikan peringkat universiti. Pengarah Biro Pendidikan UNESCO Kawasan Asia Pasifik, Shaeffer¹⁸ menyatakan bahawa peluang pendidikan harus disediakan seluas-luasnya kepada kanak-kanak untuk mendapat pendidikan yang berfokuskan kepada pendidikan asas yang boleh mengatasi isu dan cabaran masa kini.

Disebabkan oleh kepentingan pendidikan ini kepada golongan asnaf fakir dan miskin, maka institusi zakat giat memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia dan memastikan golongan asnaf fakir miskin ini mendapat peluang pendidikan dan berjaya seperti orang lain. Terdapat beberapa kes dilaporkan pada awal tahun 2013 termasuklah kes keciciran dalam pelajaran kerana gagal melunaskan yuran persekolahan.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti skim dan bentuk bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh Majlis Agama Islam Perak kepada golongan asnaf

¹⁷ Siti Aminah Mohd Sam, Seow Ta Wee (2013), Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 4. Geografi & Alam Sekitar dalam Pembangunan dan Transformasi Negara, pp. 483–489. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. 5–6 Mac.

¹⁸ Ishak bin Sin, Nor Asikin Salleh (2003) Era globalisasi: Pendidikan dan cabaran. Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan 13.

dalam menyambung pelajaran di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Di samping itu, kajian ini dilakukan untuk melihat dan menilai semula skim dan bantuan pendidikan tersebut sama ada ia dilihat dapat membantu meningkatkan sektor pendidikan dan mengurangkan kadar keciciran pelajaran oleh golongan asnaf yang tidak berkemampuan. Penilaian terhadap penentuan had kifayah kepada golongan asnaf juga diambilkira terutamanya dalam pelan program pendidikan dalam membangunkan taraf pendidikan di negeri Perak.

Hasil kajian ini yang lebih memfokuskan kepada golongan asnaf di negeri Perak diharapkan agar bantuan zakat pendidikan yang diberikan oleh institusi zakat kepada golongan asnaf dapat memberikan sumbangan yang cukup besar dalam mengubah dan membangunkan bidang pendidikan di kawasan bandar mahupun luar bandar di negeri Perak.

Diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat terhadap usaha yang telah dilakukan oleh institusi zakat dalam membantu fakir dan miskin dalam pembangunan pendidikan bagi meningkatkan mutu pendidikan umat Islam di negeri Perak khususnya dan di negara ini secara amnya.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah menetapkan beberapa objektif supaya dapat menumpukan kajian terhadap permasalahan yang timbul.

Antara objektif kajian ialah:

1. Mengenalpasti pelaksanaan kutipan dan agihan zakat ke atas kadar kemiskinan asnaf fakir dan miskin di Negeri Perak.
2. Menjelaskan konsep zakat dan golongan asnaf yang layak menerima zakat dalam pelan program pendidikan di negeri Perak.
3. Mengetahui pelaksanaan agihan zakat dalam pembangunan sektor pendidikan umat Islam di negeri Perak.
4. Mengenalpasti kadar *had kifayah* bagi golongan asnaf fakir dan miskin dalam pendidikan di negeri Perak.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah pelaksanaan kutipan dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf di negeri Perak?
2. Siapakah golongan asnaf yang layak menerima zakat dalam program pendidikan di negeri Perak?
3. Adakah agihan zakat termasuk dalam pembangunan sektor pendidikan umat Islam di negeri Perak?
4. Bagaimanakah pengukuran *had kifayah* bagi golongan asnaf fakir dan miskin dalam pendidikan di negeri Perak?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat dan menilai tahap keberkesanan sumbangan zakat kepada asnaf-asnaf dalam sektor pendidikan di Perak. Kajian ini juga dapat membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang berkaitan seperti pihak pentadbiran Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak

(MAIAMPk) dan juga Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) untuk mengenalpasti jumlah bilangan asnaf yang layak untuk mendapat bantuan zakat pendidikan dan penambahbaikan syarat serta cara pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat dalam bidang pendidikan di Perak.

Hasil penyelidikan ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pihak tertentu dalam melaksanakan pengurusan zakat dengan lebih efektif dan telus. Di samping itu, kajian ini juga dapat mengesan permasalahan yang timbul dalam pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang layak menerimanya serta pelaksanaan penentuan kadar had kifayah bagi golongan asnaf di negeri Perak.

Secara rumusannya, diharapkan kajian ini juga dapat membantu pihak yang terlibat dalam mengagihkan dana zakat kepada golongan asnaf yang layak dalam menyambung pelajaran di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Selain itu, kajian ini juga mengharapkan dapat meningkatkan mutu pendidikan di negeri Perak dan mengurangkan bilangan golongan asnaf yang tercicir dalam menyambung pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

1.7 SKOP KAJIAN

Memandangkan sumbangan zakat membawa kepada perbincangan yang luas, sudah tentu pelbagai aspek yang boleh diteliti. Namun demikian, kajian ini hanyalah terbatas keada beberapa perkara sahaja seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya mengenai sumbangan zakat terhadap sektor pendidikan sahaja dan penentuan *had kifayah* dalam zakat bagi pembangunan pendidikan para pelajar.

- ii. Kajian mengenai sumbangan zakat hanya terbatas kepada asnaf-asnaf yang layak menerima zakat dalam pelan pendidikan di Perak.
- iii. Lokasi kajian ini hanyalah di Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.
- iv. Sampel kajian ini terdiri daripada pegawai Bahagian Zakat di Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

1.8 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, terdapat banyak kajian yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli akademik dan para sarjana mengenai sumbangan zakat terhadap sektor pendidikan dalam pelbagai aspek mengikut pendekatan yang telah mereka gunakan.

Beberapa kajian telah menyentuh mengenai sumbangan zakat dalam sektor pendidikan dalam pengagihan zakat telah dibahaskan oleh beberapa pengkaji sebelumnya. Sebagaimana yang ditulis oleh Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar¹⁹ yang menerangkan tentang kajian mengenai pengagihan zakat dan kesannya terhadap ekonomi negara. Metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini juga adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian lapangan berbentuk temubual dan kaedah dokumentasi secara induktif dan deduktif. Penyelidik menggunakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai sampel kajian. Data dan maklumat yang diperolehi daripada institusi zakat ini iaitu LZS adalah meliputi skim dan bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf termasuklah asnaf fakir dan miskin, mualaf, fisabilillah, ibni sabil dan riqab melalui sesi temubual bersama pegawai zakat di LZS dan juga maklumat daripada laman sesawang LZS,

¹⁹ Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014), “Dana Zakat Dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia” Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, h. 209.

pamphlet dan *brochure* LZS. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, skim dan bantuan zakat pendidikan diberikan kepada hampir semua golongan asnaf zakat di setiap negeri di Malaysia termasuk di negeri Selangor. Skim dan bantuan zat pendidikan yang telah dibentuk ini dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf untuk mengubah kehidupan mereka supaya keluar daripada kepompong kemiskinan dengan pendidikan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, ia hanya membincangkan tentang implikasi daripada kajian tersebut iaitu berlakunya penambahbaikan dari segi bentuk bantuan dan skim zakat pendidikan supaya ia lebih menyeluruh dan mengikut kehendak masa kini yang diperlukan oleh golongan asnaf dan supaya ia dapat terus diagihkan dengan berkesan kepada golongan asnaf.

Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar²⁰ dapat mengenal pasti peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia melalui skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang disediakan oleh institusi zakat di Malaysia. Penyelidik mengenal pasti skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di seluruh negeri di Malaysia seterusnya menganalisa peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf zakat di Malaysia dan cabaran yang dihadapi pada masa kini. Penyelidik juga mendapati bahawa kesemua negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam bentuk bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf. Beberapa pendekatan atau usaha yang boleh dilakukan oleh institusi zakat sebagai satu inisiatif dan jalan alternatif bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada asnaf zakat di Malaysia. Penulisan tersebut juga membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat di Malaysia dalam menjalankan kewajipan mengagihkan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf pada masa kini.

²⁰Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (t.t), "Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini" (Kertas Projek, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia), h. 23.

Md Hairi Md Hussain²¹ membincangkan tentang peningkatan kutipan wang zakat seterusnya membawa kepada meningkatnya jumlah wang zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf. Baitulmal sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan agihan wang zakat, dilihat berdepan dengan cabaran besar dalam soal agihan wang zakat. Ini adalah kerana kelemahan pengurusannya dibimbangi mampu menyebabkan agihan wang zakat tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Tambahan pula penyelewengan yang berlaku di beberapa pejabat zakat turut menyumbang kepada agihan wang zakat yang tidak memuaskan. Permasalahan ini seterusnya membuka ruang kepada rungutan orang ramai terutamanya golongan yang merasakan diri mereka layak menerima wang zakat tetapi tidak menerimanya. Berdasarkan kajian tersebut, ia hanya membincangkan tentang hasil kutipan dan agihan zakat kepada golongan asnaf. Kajian ini juga hanya mengenalpasti penerima zakat terbanyak dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan agihan zakat sahaja. Ini menunjukkan bahawa kajian tersebut hanya membataskan kajiannya skop tertentu sahaja namun tidak membincangkan secara terperinci tentang zakat dalam program pendidikan serta tidak membahaskan tentang penentuan kadar had kifayah kepada golongan asnaf.

Siti Martiah Anwar, Azman Ab Rahman, Nor Asiah Yaakub dan Mohd Faez Abu Bakar²² yang telah membuat tinjauan awal tinjauan awal terhadap institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, institusi-institusi ini mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi ke luar negara dan seumpamanya. Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa institusi

²¹ Md Hairi Md Hussain (2009), “Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Suatu Pandangan Awal”, Fakulti Perakaunan, Universiti Utara Malaysia.

²² Siti Martiah Anwar, Azman Ab Rahman, Nor Asiah Yaakub dan Mohd Faez Abu Bakar (t.t), “Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf: Kajian Perbandingan Antara Negeri Sembilan Dan Negeri Selangor” (Kertas Projek, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia), h.101.

zakat di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan pendidikan anak-anak golongan asnaf zakat iaitu melalui skim dan bantuan pendidikan yang telah diberikan. Institusi zakat di Malaysia juga telah berusaha keras dalam melaksanakan aktiviti dan program pembangunan pendidikan kepada golongan asnaf zakat dan usaha yang berterusan ini seharusnya mendapat pujian daripada semua pihak. Dalam kajian ini terdapat perbandingan berkenaan penerimaan bantuan dana zakat bagi kedua-dua negeri tersebut iaitu Selangor dan Negeri Sembilan. Kajian tersebut juga membuat analisis tentang perbezaan golongan asnaf yang menerima bantuan pendidikan dari sudut asnaf *ar-riqab* di Negeri Sembilan dan asnaf muallaf di Selangor serta hubungannya dalam pendidikan di dua negeri tersebut. Kajian tersebut hanya terbatas mengenai skim bantuan yang diberikan kepada golongan asnaf tertentu sahaja dalam konteks pendidikan dan tidak menyentuh secara terperinci mengenai peranan dan sumbangannya dalam sektor pelan pembangunan pendidikan.. Kajian tersebut juga tidak membincangkan mengenai penentuan kadar had kifayah bagi golongan asnaf yang layak menerima zakat terutamanya bagi zakat pendidikan.

Ghina Puspita²³ menghuraikan pendapat Imam Hanafi terhadap penyaluran dana zakat untuk pendidikan dan mekanisme penyaluran yang ditetapkan oleh Bahiz. Dalam penulisan ini, penelitian ini menggunakan metode deskriptif kualitatif iaitu metode penelitian yang menghuraikan dan memaparkan masalah yang ada sehingga memperoleh gambaran tentang objek yang diteliti dan masalah tersebut dapat dipecahkan serta diselesaikan dengan baik dan benar. Penelitian ini menyimpulkan bahawa Hanafiyyah mendefinisikan Ibnu Sabil sebagai musafir yang kehabisan dana perjalanan yang boleh menyebabkan beliau menerima zakat. Mekanisme penyaluran dana zakat untuk pendidikan pada Bahiz adalah memberikan biasiswa kepada orang

²³Ghina Puspita (2010), “Penyaluran Dana Zakat Untuk Pendidikan Dalam Perspektif Imam Hanafi”. Fakultas Syariah dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

yang kurang mampu dalam membayai pendidikannya. Berdasarkan kajian tesis tersebut, ia membincangkan tentang cara penyaluran dana zakat untuk pendidikan yang lebih cenderung kepada pendapat Hanafiyah.

Mujaini bin Tarimin²⁴ membuat kajian untuk mengubah persepsi dan tanggapan akan kepercayaan yang telah menjadi tradisi masyarakat Malaysia bahawa zakat hanya wajib ke atas padi dan fitrah sahaja, sedangkan terdapat banyak lagi harta kekayaan lain yang masih boleh dikenakan zakat. Kajian ini juga mengetengahkan satu alternatif baru dalam sistem zakat supaya dasar, konsep dan prasyarat yang disyari'atkan itu dapat disesuaikan dalam sistem yang ada sekarang serta disejajarkan dengan tamadun dan kemajuan ekonomi. Dalam kajian tesis tersebut hanya menerangkan tentang tanggapan masyarakat terhadap kewajipan membayar zakat bagi perkara-perkara tertentu sahaja dan hanya membincangkan tentang konsep pelaksanaan zakat *al-mal al-mustafad* sahaja. Namun, dalam kajian ini tidak membincangkan secara terperinci akan sumbangan zakat dalam sektor pendidikan.

Abd Halim dan Mohd Saladin²⁵ menerangkan kaedah yang dilaksanakan dalam mengelola dana zakat yang telah dikumpul supaya dapat diagihkan kepada asnaf yang berhak. Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana, bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara. Kajian ini

²⁴Mujaini bin Tarimin (1995), "Sistem Zakat al-Mal al-Mustafad dalam Syariah Islam: Satu Kajian Kes Pelaksanaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". (Tesis PhD,Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya)

²⁵Abd Halim & Mohd Saladin (2011), "Pengurusan Agihan Zakat: Fiqh Zakat Malaysia".Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

menerangkan tentang kaedah pelaksanaan dan pengelolaan zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf-asnaf yang layak menerima zakat. Ia juga menyentuh berkaitan dengan pengagihan zakat dalam bentuk pendidikan terhadap golongan asnaf yang layak menerima zakat.

M.I Kamil²⁶ menyatakan bahawa terdapat hubungan yang songsang diantara nilai agama dan gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Justifikasi yang diberikan adalah umat Islam dengan nilai agama yang tinggi lebih cenderung untuk membayar zakat terus kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat sebagai pengantara. Justeru itu, dalam persekitaran zakat, beberapa kajian telah menggunakan pembolehubah nilai agama untuk menjelaskan fenomena yang berlaku. Kajian tersebut membincangkan gelagat pembayar zakat terutamanya kakitangan awam dalam menunaikan zakat pendapatan gaji dalam kalangan mereka. Kajian ini membataskan kewajipan membayar zakat kepada golongan tertentu sahaja dan kajian mereka hanya memberi tumpuan lebih kepada gelagat kepatuhan zakat. Namun, kajian tersebut tidak menyentuh akan jenis-jenis bantuan zakat kepada olongan asnaf terutamanya bantuan dari segi pendidikan serta tiada perbincangan tentang kelayakan penerimaan zakat bagi golongan asnaf yang layak.

B. Zainol²⁷ menhxraikan tentang hubungan kewajipan membayar zakat dengan nilai kesedaran yang tinggi terhadap umat Islam dalam membayar zakat. Ini telah menunjukkan hubungan yang positif di mana umat Islam dengan nilai agama yang tinggi juga akan mempunyai niat yang tinggi untuk membayar zakat gaji. Penemuan yang pelbagai ini memberikan petunjuk bahawa pembolehubah ini mempunyai

²⁶ Kamil, M. I. (2002). “*Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam*”, Universiti Utara Malaysia.

²⁷ Zainol, B. (2008). “*Faktor-Faktor Penentu Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*”. Tesis PhD tidak diterbit, Universiti Utara Malaysia.

pengaruh dalam pengurusan agihan zakat. Nilai agama boleh dipecahkan kepada beberapa elemen iaitu iman (akidah), undang-undang Islam (shariah) dan moral (akhlik). Elemen-elemen ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah. Kajian tersebut hanya dilakukan untuk mengkaji akan kepatuhan masyarakat Islam dalam menunaikan hak kewajipan mereka dalam menunaikan rukun Islam terutamanya kewajipan menunaikan zakat. Kajian tersebut juga hanya menyentuh tentang faktor-faktor penentuan niat terhadap kepatuhan menunaikan zakat pendapatan gaji, namun tidak membincangkan tentang pengagihan zakat dalam program pendidikan kepada golongan asnaf.

Sintha Dwi Wulansari²⁸ membuat kajian dalam menganalisis pengaruh dana zakat produktif terhadap modal dan keuntungan usaha digunakan metod uji beza (*Paired T-test*). Objek dalam penelitian ini iaitu *mustahik* yang diberikan bantuan modal oleh Rumah Zakat sebanyak 30 responden. Daripada hasil penelitian menunjukkan bahawa program Senyum Mandiri merupakan program pemberian bantuan modal usaha dengan metode hibah atau *qardhul hasan*. Hasil analisis uji beza menunjukkan bahawa terdapat pengaruh antara pemberian bantuan modal terhadap perkembangan modal dan keuntungan usaha sebelum dan setelah menerima bantuan modal usaha. Dalam kajian ini hanya membuat analisis berkenaan maklumbalas terhadap penerimaan zakat oleh asnaf dan membuat analisis berkenaan maklumbalas dan reaksi daripada asnaf-asnaf hasil daripada pengagihan zakat sebelum dan selepas menerima zakat. Namun, di dalam kajian ini tidak menyentuh berkenaan pelaksanaan zakat dalam sektor pendidikan kepada golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat tersebut.

²⁸Sintha Dwi Wulansari (2013), “Analisis Peranan Dana Zakat Produktif Terhadap Perkembangan Usaha Mikro Mustahik (Penerima Zakat)(Studi Kasus Rumah Zakat Kota Semarang)”. Fakultas Ekonomika dan Bisnis, Universitas Diponegoro.

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual. Manakala metod analisis data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan 14 sampel iaitu daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia.

Hasil kajian mendapati bahawa zakat pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi golongan asnaf dalam membantu membasmi kemiskinan jangka masa panjang dan cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan seperti hasil kutipan zakat yang semakin meningkat tahun demi tahun dan kurangnya permohonan zakat pendidikan dari golongan asnaf dapat diatasi dengan mengambil beberapa pendekatan yang lebih efektif. Beberapa kesamaan yang terdapat dalam buku atau kajian lain yang membincangkan tentang pengurusan zakat akan menjadi rujukan bagi penyelidik dalam menyempurnakan disertasi ini.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi ialah gabungan antara dua perkataan Yunani iaitu ‘methodos’ yang bermaksud cara atau jalan dan ‘logos’ bererti ilmu. Hasil gabungan daripada dua perkataan ini membawa pengertian bahawa metodologi ialah cara atau jalan bagi memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ilmu yang hendak dikaji.²⁹ Imam Barnadib menjelaskan metodologi sebagai ilmu tentang menjalankan penelitian.³⁰ Kenneth D. Bailey pula mendefinisikan metodologi ialah falsafah proses penyelidikan dan kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat

²⁹ Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, h. 16.

³⁰ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP, h. 51.

kesimpulan.³¹ Dengan kata lain, metodologi ialah ilmu tentang cara atau kaedah yang digunakan untuk melakukan sesuatu kajian atau penyelidikan.

Penyelidikan pula bermaksud sesuatu yang dijalankan sama ada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku, telah dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan.³² Penyelidikan juga menurut Tuckman seperti mana dinukilkan dalam Sidek Mohd. Noah, menjelaskan ia sebagai satu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.³³ Oleh itu, penyelidikan ialah tatacara yang digunakan secara sistematik untuk mengetahui sesuatu masalah yang dikaji untuk menambah ilmu pengetahuan.

Kesimpulannya, metodologi kajian ialah kaedah yang sistematik dalam proses mengumpul data atau maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dikaji sebagai menambah ilmu pengetahuandalam bidang penyelidikan. Secara umumnya, dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah-kaedah berikut:

1.9.1 Metode Pengumpulan Data.

Metod ini penting dalam proses menyiapkan kajian, oleh yang demikian, tiga metod ini telah digunakan dalam pengumpulan data iaitu:

1.9.1.1 Metod Dokumentasi

Satu kaedah atau cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian, kajian ini juga telah menggunakan beberapa dokumen dalam latihan ilmiah ini, antaranya ialah, buku-buku ilmiah, artikel, keratan akhbar, buku-buku jurnal, makalah dan sebagainya.

³¹Bailey Kenneth (1982), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 47.

³²Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, edisi kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

³³Sidek Mohd. Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: UPM, h. 2.

1.9.1.2 Metod Temubual

Kajian ini telah menggunakan metod temubual atau temuramah dengan responden bagi tujuan mendapatkan maklumat yang tepat. Sasaran responden yang akan ditemubual ialah golongan pegawai yang berkenaan sahaja, iaitu yang terlibat di dalam bahagian pungutan dan agihan zakat di negeri Perak sahaja. Metod ini digunakan di dalam bab tiga di dalam penulisan ini. Penulis menggunakan metod ini untuk mengetahui tentang latar belakang masalah kajian dengan lebih mendalam.

1.9.1.3 Metod Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini merupakan salah satu metod yang penting bagi penulis untuk mengumpul data. Ini kerana, bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan penulis banyak terdapat di perpustakaan. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi oleh penulis adalah:

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Universiti Malaya (UM).
3. Perpustakaan Awam Negara.
4. Perpustakaan Tun Abdul Razak Ipoh, Perak.
5. Perpustakaan Awam Negeri Perak.

1.9.2 Metode Analisis Data

Analisis merupakan sebuah proses lanjutan dalam penelitian, dengan analisis awal menginformasikan data yang kemudian dikumpulkan. Ketika pengkaji sudah selesai

dalam mengumpulkan data, maka langkah berikutnya ialah menganalisis data yang telah diperolehi. Terdapat tiga jenis analisis data dalam kajian ini iaitu:

1.9.2.1 Metode Analisis Kandungan

Metode analisis kandungan diaplikasi untuk menganalisis data-data yang diperoleh melalui temu bual. Setelah proses temu bual dijalankan, hasil rakaman dan catatan temu bual informan akan disalin secara bertulis sehingga menjadi satu bentuk transkripsi. Kemudian, transkripsi itu akan diringkaskan dengan membuang data-data yang kurang penting dan tidak berkaitan. Setelah itu, transkripsi tadi disemak dan dikemas dengan teratur untuk dipamerkan sebagai data yang lengkap, seterusnya dianalisis untuk menyokong dapatan daripada kajian dokumentasi.

1.9.2.2 Metode Induktif

Metode induktif digunakan ketika merumuskan fakta-fakta dan data-data kepada suatu kesimpulan umum. Berdasarkan konsep yang dibincangkan dalam sorotan literatur, pengkaji dapat merumuskan teori dan konsep yang digunakan dalam kajian berkenaan pengelolaan zakat dari sudut kutipan dan pengagihan zakat. Selain itu, pengkaji juga dapat merumuskan keberhasilan akan pengagihan zakat dalam sektor pendidikan.

1.9.2.3 Metode Deduktif

Metode deduktif diaplikasi bagi menghuraikan dan memperincikan data-data dan fakta-fakta untuk menjelaskan lagi kenyataan yang bersifat umum. Kaedah ini akan diaplikasi untuk membuat huraian terperinci berkenaan kepentingan pendidikan terhadap sektor pendidikan serta hubungannya terhadap pendidikan dalam Islam yang akan dibincangkan dalam bab dua. Selain itu, kaedah ini juga akan menjelaskan dalam bab

tiga tentang huraian lanjut mengenai dapatan data berkaitan kutipan dan agihan zakat terhadap serta perincian had kifayah terhadap sektor pendidikan.

1.10 PENUTUP

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mencuba untuk mengkaji pengurusan Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak dalam proses pengagihan dana zakat kepada golongan-golongan asnaf yang layak menerima zakat. Penyelidikan ini akan tertumpu kepada peranan, kepentingan, cara pungutan dan pengagihan zakat, serta penetuan kadar had kifayah di dalam pengurusan zakat di Bahagian Zakat yang meliputi pungutan zakat terhadap pendidikan dan golongan fakir miskin. Hasil daripada penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan dalam dunia pendidikan, serta dapat menghasilkan model terbaru dalam pengurusan zakat di Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam Dan ‘Adat Melayu Perak.

BAB 2: PENGENALAN DAN PENGURUSAN ZAKAT

2.1 PENGENALAN ZAKAT

Zakat merupakan satu rukun daripada rukun-rukun Islam yang lima. Zakat wajib dikeluarkan sebahagian harta oleh Muslim yang berkemampuan kepada golongan-golongan asnaf tertentu yang layak menerima zakat dengan syarat-syarat tertentu.³⁴ Jika dilihat dari segi bahasa zakat boleh diertikan sebagai tumbuh dan bertambah.³⁵ Dalam sistem ekonomi Islam, zakat adalah antara teras utama yang berfungsi sebagai faktor asas dalam ekonomi khususnya dalam pengagihan dan pengagihan semula harta. Melalui zakat, tanggungjawab kehartaan dan ibadat dapat dilaksanakan demi kepentingan hidup bermasyarakat.

Sebagai rukun Islam, zakat adalah merupakan satu kewajipan yang qat’ii dan ijmak para ulama’ dan seluruh umat Islam sejak dari zaman awal Islam lagi. Oleh itu, hukum membayar zakat ke atas orang yang berkelayakan adalah suatu yang wajib dan pasti. Ingkar terhadap hukum ini adalah satu kesalahan dan dosa besar seterusnya dihukum kafir.³⁶ Dari sudut sejarah negara Islam, mereka yang ingkar akan disabitkan dengan kesalahan dan akan dikenakan tindakan tertentu termasuklah dipenjarakan, diperangi dan dibunuhi.

Selain melaksanakan perintah Allâh Subhanahu wa ta’ala, tujuan pensyariatan zakat juga ialah untuk membantu umat Islam yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Oleh kerana itu, syariat Islam memberikan perhatian besar dan memberikan kedudukan tinggi pada ibadah zakat ini.

³⁴ Mūṣṭafā al-Būghā, Mūṣṭafā Al-Khin, ‘Alī Syarbājī (2006), “*Fiqh Al- Manhājī*”, Jilid 1. Damsyik: Darul Qalam, h.270.

³⁵ Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-Arāb*, J.60, Beirut: Dar Sadir, h.357.

³⁶ Yūsuf al-Qardhāwī (1985), “*Fiqh al-Zakāt*”, Jilid 2. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, h.87.

2.2 DEFINISI ZAKAT

Kalimah zakat dari segi kata dasarnya bermaksud berkat, tumbuh, bersih dan baik.³⁷ Sesuai dengan maksud ini, zakat sebenarnya adalah merupakan satu konsep yang sangat luas dan terperinci. Terangkum dengan maksud zakat ialah sedekah.

Menurut syarak pula iaitu nama bagi bahagian yang tertentu daripada harta benda yang tertentu, yang wajib diserahkan kepada orang-orang atau asnaf tertentu dengan syarat tertentu pula.³⁸ Ia merujuk kepada pembayaran wajib sebahagian harta kepada golongan yang berhak berdasarkan kaedah dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

Berdasarkan definisi ini, dapat difahami tentang maksud yang lebih spesifik berhubung dengan zakat. Ia mempunyai pelbagai perkara yang perlu difahami termasuklah dari segi mereka yang wajib membayar zakat, harta yang diwajibkan zakat, kaedah pengiraan dan peraturan zakat dan pengagihan zakat. Antara dalil kewajipan zakat ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka...”

Surah at-Taubah (9): 103

³⁷ Mu'jam Wasith, juz 1, h. 398.

³⁸ Mūṣṭafā al-Būghā, Mūṣṭafā Al-Khin, 'Alī Syarbājī (2006), "Fiqh Al-Manhājī", h.270.

2.3 ZAKAT MENURUT AL-QUR’AN DAN AL-SUNNAH

Makna zakat dapat difahami melalui pengertian Al-Qur'an dan juga Al-Sunnah yang menjadi sumber rujukan utama umat Islam. Ini sebagaimana definisi yang akan dijelaskan seperti berikut:

2.3.1 Zakat Menurut Al-Qur'an

Terdapat sebanyak 30 kali sebutan zakat di dalam Al-Qur'an dan 27 kali daripada sebutan ini telah digandingkan dengan perkataan mendirikan sembahyang. Kedudukan ini adalah bagi menggambarkan kepada kita tentang betapa kewajipan membayar zakat adalah suatu yang amat jelas seumpama kewajipan kita menunaikan sembahyang.

Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekaan hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Surah at-Taubah (9): 60

Al-Qur'an juga ada menyebut tentang kelebihan yang akan diberikan oleh Allah SWT kepada orang yang mengeluarkan zakat. Sebagaimana firman Allah SWT:

“Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu (wahai Muhammad) membersihkan dan mensucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui”

Surah at-Taubah (9): 103

Maksud “*membersihkan*” ialah dengan zakat mereka itu kamu dapat membersihkan hati-hati mereka dari kesan syirik, sifat bakhil dan kedekut serta membersihkan tubuh-tubuh mereka daripada penyakit dan bala bencana. Maka harta pencarian dan simpanan menjadi bersih dari sesuatu yang haram dimiliki, iaitu hak-hak orang lain yang telah diwajibkan kita untuk mengeluarkannya. Sebagai contoh golongan faqir di mana mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas,³⁹ maka mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah.

Maksud “*mensucikan*” pula ialah dengan zakat itu juga kamu dapat mensucikan mereka di hadapan Allah yakni kamu menjadi saksi di hadapan Allah bahawa mereka benar-benar menunaikan perintah dan beriman dan kamu memberi syafaat kepada mereka dengan izin Tuhan kamu serta kamu mendoakan bagi mereka kebaikan, keberkatan dan seumpamanya.

2.3.2 Zakat Menurut Al-Sunnah

Terdapat juga sejumlah hadis yang berkaitan dengan zakat menerangkan secara lebih terperinci berhubung dengan persoalan zakat. Ini menjelaskan berhubung dengan aspek keperluan zakat, nisab, jenis harta dan syarat-syaratnya.

Sabda Nabi SAW

“Sesungguhnya Allah SWT tidak rela terhadap hukumNya seorang maupun lainnya, dalam hal sedekah, sehingga Dia sendiri menentukan hukumnya, maka ia membahagikan sadekah atau zakat itu kepada lapan golongan asnaf. Ini kerana, jika engkau termasuk salah satu daripada bahagian yang lapan, tentulah akan saya beri”.⁴⁰

(HR Abu Dawud)

³⁹ Yūsuf al-Qardhāwī, (1977) ‘*Fiqh al-Zakah: Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā wa Falsafātiha Fi Daw’ al-Qur`an wa al-Sunnah*’, jil.1, cet.3, Beirut: Muassasah al- Risalah, h.686.

⁴⁰ Muhammad Naṣhiruddīn al-Bānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dawūd*, jilid I, h 159.

Rasulullah SAW juga ada memberitahu melalui hadisnya tentang dosa bagi orang-orang enggan membayar zakat dengan hukuman berat di akhirat. Ini bertujuan supaya hati yang lalai akan tersentak dan sifat bakhil tergerak untuk berkorban.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

“Setiap pemilik emas atau perak yang tidak mau memenuhi haknya (tidak mau membayar zakat), pada hari Kiamat pasti ia akan diratakan api, lalu lempengan-lempengan bagaikan api, lalu lempengan-lempengan itu dipanaskan di neraka Jahannam, kemudian lambungannya diseterika dengan lempengan itu, juga dahi dan punggungnya”⁴¹

(HR Muslim)

Imam Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, Nabi SAW bersabda:

“(Pada hari kiamat nanti) akan datang seekor unta dalam bentuknya yang paling baik kepada pemiliknya yang ketika di dunia dia tidak menunaikan haknya (zakatnya). Maka unta itu akan menginjak-injaknya dengan kakinya.”⁴²

(HR Bukhari)

Imam Muslim ada meriwayatkan: “Ibnu Syihab berkata, diriwayatkan Said bin Musayyib, bahawa Safwan bin Umayyah berkata: Demi Allah, Rasulullah telah memberiku (bahagian zakat) padahal beliau adalah orang yang aku paling benci. Dan beliau terus memberi zakat sehingga beliau orang yang paling aku cintai”.⁴³

(HR Muslim)

⁴¹ Muslim al- Ḥajjāj (1994), *Shahih Muslim*, (cetakan dengan syarah al-Nawawi: *Syarh Shahih Muslim*), Beirut: Dar al-Khair.

⁴² Al-Būkharī, Muhammad bin Ismail,(1986). *Shahih Būkharī*, Beirut: Dar Ibn. Kathir.

⁴³ Muslim al-Hajjaj (t.t), ‘*Shahih Muslim*’, Juz IV. Beirut: Dar al-Turāts al-‘Arabī, h.1806.

Ini kerana, pada harta terdapat kebaikan dan keburukannya. Adakalanya harta memberi manfaat kepada manusia dan adakalanya mendatangkan kecelakaan. Atau yang dimaksudkan ialah akan hilang sifat jahat pada diri iaitu bakhil, kedekut dan sebagainya.

2.4 KEDUDUKAN ZAKAT DALAM ISLAM

Kedudukan dan kepentingan zakat dapat dilihat daripada beberapa perkara berikut:

1. Zakat adalah rukun Islam yang ketiga dan salah satu cabang yang agung berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a bahawa Nabi SAW bersabda:

“Islam dibangun di atas lima perkara, bersaksi bahawa tiada Tuhan yang benar selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan”⁴⁴

(HR Bukhari)

2. Allah SWT juga memerintah untuk menunaikan zakat dengan perintah melaksanakan solat di 24 tempat di dalam Al-Qur'an. Ini menunjukkan betapa penting dan tinggi kedudukannya di dalam Islam. Kemudian kebanyakan perkataan solat dalam Al-Qur'an digandingkan dengan iman dan juga zakat.
3. Ajaran Islam memberikan peringatan dan ancaman keras terhadap orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat bahkan mengingkari hukum wajib zakat adalah kafir.⁴⁵ Di akhirat kelak, harta benda yang disimpan dan dikumpul tanpa dikeluarkan zakatnya, akan berubah menjadi azab bagi pemiliknya. Allah SWT telah berfirman:

⁴⁴ Al-Būkhārī, Muhammad bin Ismail,(1986). *Shahih Būkhārī*, hadith 8. Beirut: Dar Ibn. Kathir.

⁴⁵ ‘Aid al-Qarnī (2009), ‘*Fiqh Ad-Dalīl*’ Kuala Lumpur: Al-Hidayah, h.261.

“Pada hari dipanaskan emas dan perak itu dalam neraka Jahannam, lalu dibakar dengannya dahi mereka, lambung dan punggung mereka (lalu dikatakan) kepada mereka : ‘Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu”

At-Taubah (9): 35

4. Dosa orang yang enggan membayar zakat. Dalam Islam, zakat merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu Muslim.⁴⁶ Justeru itu, bagi mereka yang meninggalkan tuntutan berzakat, maka ia dikira berdosa kerana melanggar perintah Allah SWT.

Firman Allah SWT:

“...dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) ‘azab seksa yang tidak terperi sakitnya’”

At-Taubah (9):34

2.5 PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT

Dalam pengurusan zakat, amil zakat berperanan untuk memungut, mengagihkan serta menyediakan zakat.

2.5.1 Pungutan Zakat

Dari segi pungutan, banyak perkara yang harus dilakukan, seperti kaunseling yang berkaitan dengan proses penyedaran kewajipan, penjelasan tentang *Al-Amwal Az-Zakawiyah*, cara membayarnya dan sebagainya.

⁴⁶ Yūsuf al-Qardhāwī, (1973), ‘*Fiqh al- Zakāt*’, Juz 1, Jilid. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h.64.

Amil zakat mempunyai peranan untuk melakukan pungutan zakat daripada *muzakki* zakat. Seseorang itu tergolong dalam kewajipan membayar zakat apabila mencukupi akan syarat dan wajib zakat antaranya Islam, bukan hamba sahaya, cukup nisab dan cukup haul.⁴⁷ Apabila telah mencukupi syarat-syarat asas tersebut, amil zakat boleh memaksa *muzakki* yang telah mencukupi haul dan nisab terhadap hartanya untuk membayar zakat. Apabila *muzakki* tersebut tidak mahu membayar zakat, maka amil zakat boleh mengambilnya secara paksa, hal ini dibolehkan dalam Islam.

Dalam pungutan zakat, amil atau pengurus zakat mempunyai tanggung jawab yang penuh dalam memungut zakat daripada orang wajib zakat. Oleh sebab demikian, kecekapan amil dalam memungut zakat sangatlah diperlukan. Salah satu kejayaan amil dalam pengurusan zakat adalah ketika amil berjaya dalam memungut zakat. Dengan demikian, pungutan zakat merupakan salah satu tanggungjawab amil yang harus dilakukan.

2.5.2 Agihan Zakat

Mengenai pengagihan atau penyaluran zakat, masih terdapat perbezaan pendapat, ada di antara ulama yang mengatakan bahawa zakat itu wajib disalurkan kepada lapan asnaf yang disebutkan dalam Al-Quran, kecuali hamba sahaya, kerana mereka sudah tidak ada lagi di zaman ini. Namun, menurut pendapat Sayyid Rashid Ridha, maka tetap ada lapan asnaf. Ini kerana perhambaan terhadap bangsa masih ada sampai kini, walaupun para penjajah beransur-ansur telah memberikan kemerdekaan kepada daerah jajahannya.⁴⁸

⁴⁷ Al-Sharbīnī (2004), ‘*Al-Iqna*’, Juz.1, Cetakan 3, Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, h.430.

⁴⁸ Muhammad Rasyīd Rīdhā (t.t), *Tafsir al-Manār*, Juzuk X, Beirut, Dar al-Fikr, h.452.

Pengagihan zakat mestilah ke atas umat Islam sahaja. Maka, pengagihan zakat kepada golongan kafir adalah dilarang.⁴⁹ Secara menyeluruh, pengagihan zakat berorientasikan kepada penggunaan dan pengeluaran. Orientasi penggunaan adalah model pengagihan zakat untuk keperluan yang berjangka pendek, seperti bantuan kepada yatim piatu dan anak-anak yang kurang bernasib baik. Orientasi pengeluaran bertujuan untuk memenuhi kepentingan-kepentingan strategik dalam jangka panjang seperti biasiswa untuk orang awam.

Pengagihan zakat bersifat tempatan adalah para mustahik di wilayah masing-masing lebih diutamakan daripada mustahik di kawasan-kawasan lain. Selebihnya, negeri yang terdekat dengannya lebih diutamakan untuk mendapatkannya berbanding dengan negeri lain, melalui cawangan lembaga zakat wilayah.⁵⁰

Menurut pandangan ulama Syafi'iah,⁵¹ pengagihan zakat bersifat tempatan merupakan salah satu cara yang paling tepat dalam pengagihan zakat, di mana masyarakat tempatan mesti diutamakan dalam pengagihan zakat. Selepas pengagihan untuk masyarakat tempatan, baki dari zakat tersebut boleh diagihkan untuk masyarakat luar. Ini bermakna pengagihan zakat tempatan mesti diutamakan oleh amil zakat.

2.6 GOLONGAN ASNAF YANG LAYAK MENERIMA ZAKAT

Zakat ialah suatu nama atau sebutan daripada sesuatu hak Allah SWT yang dikeluarkan sesorang kepada fakir miskin. Dinamakan zakat kerana di dalamnya terkandung harapan untuk beroleh berkat, membersihkan jiwa dan memupuknya dengan

⁴⁹ Al-Sharbīnī (2004), ‘*Al-Iqna*’, h.435.

⁵⁰ Yūsuf al-Qardhāwī, (1977), ‘*Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā wa Falsafātiha Fi Daw’ al-Qur`ān wa al-Sunnah*’, h.677.

⁵¹ Mustafa Al-Bugha, Mustafa Al-Khin, ‘Alī Syarbājī (2006), “*Fiqh al-Manhājī*”, h.323.

pelbagai kebajikan.⁵² Terdapat golongan-golongan tertentu yang layak menerima zakat atau dikenali sebagai asnaf. Antara golongan yang layak menerima zakat ialah:

1. Golongan Fakir.⁵³

Golongan yang memiliki harta namun keperluan hidup mereka lebih banyak berbanding harta yang mereka miliki, atau orang-orang yang sihat dan jujur tetapi tidak mempunyai pekerjaan sehingga tidak mempunyai pendapatan. Fakir juga bererti orang yang tidak mempunyai pekerjaan, atau orang yang mempunyai pekerjaan tetapi mempunyai pendapatan yang kecil, sehingga tidak cukup untuk memenuhi sebahagian daripada keperluannya.

2. Golongan Miskin.⁵⁴

Golongan orang yang mempunyai harta untuk mencukupi keperluan hidup namun tidak memenuhi kriteria, atau orang yang lemah dan tidak berdaya (cacat) kerana telah lanjut usia, sakit atau kerana akibat perang, baik yang mampu bekerja mahupun tidak tetapi memperolehi pendapatan yang memadai untuk menjamin keperluan sendiri mahupun keluarganya.

3. Golongan ‘Amil Zakat.

‘Amil adalah pekerja yang telah diserah tugas oleh penguasa atau pengantinya untuk mengambil harta zakat daripada wajib zakat, mengumpulkan, menjaga

⁵² Sayid Sābiq (1992), ‘*Fiqh Sunnah*’, Vol.1. Beirut: Dar al-Fikr, h.320.

⁵³ Al-Baijūrī (1999), ‘*Hasyiyah Fatḥul Qarīb ‘Ala Syarḥi Ibnu Qasīm al-Ghūzī*’, Jil.1, Cetakan Kedua. Beirut: Dārul Kutub Al-Ilmiyyah, h.364.

⁵⁴ *Ibid*

dan menyalurkannya kepada yang memerlukan. Harus memberi zakat kepada ‘amil.⁵⁵ ‘AMIL adalah badan atau lembaga yang mengurus dan mengelola zakat, terdiri daripada orang-orang yang diangkat oleh pemerintah atau masyarakat.

‘AMIL mendapat bahagian seperlapan daripada keseluruhan zakat yang terkumpul, untuk dipergunakan sebagai biaya operasi dan pentadbiran pengurusan. Setiap ‘AMIL boleh menerima bahagian zakatnya sebagai petugas sesuai dengan kedudukan dan prestasi kerjanya, walaupun dia seorang yang kaya. Ini kerana, ‘AMIL berhak mendapat ganjaran daripada tugasnya sebagai pemungut zakat.⁵⁶

4. Golongan Muallaf:

Muallaf yang dilembutkan hatinya, iaitu orang yang memiliki karisma yang tinggi dalam keluarga atau kaumnya dan diharapkan masuk Islam, atau dikhawatirkan perbuatan jahatnya atau apabila diberi zakat orang tersebut diharapkan keimanannya akan semakin mantap. Dengan dana zakat diharapkan orang seperti ini memiliki keteguhan imannya dan keyakinannya.

Di dalam hukum Islam, para ulama’ memberikan pengertian yang berbeza-beza tentang muallaf. Dalam pandangan ulama’ Syafi’iyah dan Hanafiyyah, muallaf adalah mereka yang baru masuk Islam, sehingga orang-orang musyrik atau bukan Islam tidak berhak mendapatkan bahagian zakat

⁵⁵ t.p (1983), ‘Mausū’att al-Fiqhiyyah’, Juz 23, Cetakan ketiga. Kuwait: Wizārāt al-‘Auqāf wa as-Syu’ūn Islamiyyah, h.318.

⁵⁶ Yūsuf al-Qardhāwī, “Fiqh al-Zakāh”, h.590.

daripada golongan muallaf meskipun keislaman mereka dikehendaki.⁵⁷

Manakala ulama Malikiyyah dan Hanabilah memasukkan orang-orang yang baru masuk Islam dan orang-orang kafir ke dalam kategori muallaf.⁵⁸

5. Golongan Riqab.

Riqab bererti hamba sahaya. Bahagian ini diberikan untuk memerdekaan budak, atau dalam rangka membantu kemerdekaannya. Jumhur ulama' berpendapat al-riqab yang layak menerima zakat hanyalah hamba mukatab iaitu hamba yang mahu dimerdekaan dan dia beragama Islam.⁵⁹

6. Golongan Ghorimin.

Ghorimin adalah orang yang berhutang bukan untuk keperluan maksiat, tetapi mestilah hutang untuk menafkahi dirinya dan kemaslahatannya⁶⁰, anak-anak dan isterinya serta hamba sahaya miliknya. Termasuk juga hutang untuk menjalankan perintah Allah SWT seperti haji, umrah dan hutang untuk menunaikan hak-hak seperti membayar diyat (denda) atau pembiayaan perkahwinan.

7. Golongan Fisabilillah.

Sabilillah adalah sarana untuk menuju keredhaan Allah SWT dalam semua kepentingan bagi umat Islam secara umum, untuk menegakkan agama dan

⁵⁷ Abdurrahman al- Jāzīri (t.t), ‘al-Fiqh ‘Ala al-Mazāhib al-Arba’ah’, Vol.1, Cet. Kedua. Beirut: Dar al-Ihya al-Turāth, h.625.

⁵⁸ Wahbah al- Zuhailī (1997), ‘al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh’, Vol.3. Beirut: Dar al-Fikr, h.1954.

⁵⁹ t.p (1983), ‘Mausu’ātt al-Fiqhiyyah’, h.320

⁶⁰ *Ibid*, h.321

negara bukan untuk keperluan peribadi. Perkataan *fisabilillah* memiliki erti yang luas, pengertiannya boleh berubah mengikut kesesuaian waktu dan adat kebiasaan.

Fisabilillah meliputi banyak perbuatan⁶¹, pelbagai bidang perjuangan dan amal ibadah, baik dari segi agama, pendidikan, ilmu pengetahuan, budaya, kesenian, termasuk mendidirkan rumah sakit, pengiriman da'i atau pendakwah dan sebagainya. Semua usaha kebaikan untuk kemaslahatan umum, semua upaya untuk menambah kekuatan dan kejayaan agama dan negara termasuk dalam kandungan *fisabilillah*.

8. Golongan Ibnu Sabil.

Perkataan *Ibnu Sabil* adalah musafir, orang yang berpergian jauh⁶², yang kehabisan bekalan. Pada ketika itu, ia sangat memerlukan perbelanjaan bagi keperluan hidupnya. Ia berhak mendapatkan bahagian zakat sekadar keperluan yang diperlukan sebagai bekalan dalam perjalanan sehingga sampai tempat yang dituju.

Sesuai dengan perkembangan zaman, dana zakat *Ibnu Sabil* dapat disalurkan antara lain untuk biasiswa bagi pelajar mahasiswa yang kurang mampu, mereka yang belajar jauh dari kampung halaman, mereka yang kehabisan atau kekurangan perbelanjaan, penyediaan kemudahan yang murah bagi musafir muslim atau asrama pelajar dan mahasiswa.

⁶¹ *Ibid*, h.322

⁶² Al-Syairāzī (t.t), ‘Al-Muhazzāb’ Juz. 1. Beirut: Dārul Kutub Ilmiyyah, h.317.

2.7 TUJUAN SYARAK DI SEBALIK KEWAJIPAN ZAKAT

Islam telah menetapkan zakat sebagai kewajiban dan menjadikannya sebagai salah satu rukunnya serta meletakkannya pada kedudukan tinggi lagi mulia. Ini kerana, dalam pelaksanaan dan penerapannya mengandungi tujuan-tujuan syar'i (maqâshid syari'at) yang agung yang mendatangkan kebaikan dunia dan akhirat, baik bagi yang kaya mahupun yang miskin. Di antara tujuan-tujuan tersebut adalah:

1. Membuktikan penghambaan diri kepada Allah SWT⁶³ dengan menjalankan perintahNya. Terdapat banyak dalil yang memerintahkan agar kaum Muslimin melaksanakan kewajiban agung ini, sebagaimana firman Allah SWT dalam kebanyakan ayat di dalam Al-Qur'an, antaranya:

"Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk"

Surah al-Baqarah (2): 43

2. Mensyukuri nikmat Allah SWT dengan menunaikan zakat harta yang telah Allah SWT limpahkan sebagai kurniaan kepada manusia. Firman Allah SWT:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka pasti azabKu sangat berat"

Surah Ibrahim (14): 7

⁶³ Al-Syairâzî (t.t), 'Al-Muhazzâb', h.261.

3. Menyucikan dosa-dosa orang yang menunaikan zakat.

Sebagaimana firman Allah SWT:

“Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan doakanlah mereka”

Surah At-Taubah (9): 103

Imam Nawawi rahimullah mengatakan bahawa kewajipan membayar zakat dalam ayat di atas berkaitan dengan ikmah pembersihan daripada dosa-dosa.⁶⁴

4. Membersihkan diri daripada sifat bakhil.

Bakhil adalah suatu penyakit yang terkeji dan tercela. Sifat ini menjadikan manusia berupaya untuk selalu mewujudkan sifat yang cintakan keduniaan dan kehidupan secara keseluruhan. Sifat ini akan menumbuhkan sikap monopoli terhadap semua perkara tersebut. Zakat juga dapat membiasakan orang menjadi pemurah, melatih dalam menunaikan amanah dan menyampaikan hak-hak kepada pemiliknya.

2.8 MEKANISME PENGURUSAN ZAKAT

Mekanisme pengurusan dalam Islam merupakan suatu sistem pengurusan yang berasaskan tauhid iaitu satu falsafah yang lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya yang diwahyukan oleh Allah Taala. Secara automatiknya dapat dikatakan bahawa mekanisme pengurusan Islam jika hendak dibandingkan dengan sistem-sistem

⁶⁴ An-Nawawi (t.t), *Al-Majmū'*. Jeddah: Maktabah al-Irsyād. Jil. 5, h.197

pengurusan yang lain nyata jauh sekali lebih sempurna kerana ianya bersifat lengkap dan melengkapi (syumul) yang mencakupi aspek jasmani, rohani, dan akal.⁶⁵ Berbeza dengan sistem pengurusan konvensional yang lebih menekankan aspek pengurusan yang berteraskan kepada material semata-mata dengan mengabaikan aspek agama, etika dan nilai, serta pembangunan insan.

Namun begitu, secara teorinya mekanisme pengurusan Islam memanglah merupakan satu sistem yang sempurna dan lengkap tetapi ianya tidak diyakini untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi di dunia sekarang sama ada organisasi itu adalah kerajaan, pihak swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya. Sistem pengurusan Islam didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan.

Mungkin terdapat sesetengah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan tetapi hanya sedikit sahaja dan kalau ada pun secara tidak menyeluruh. Begitu juga dalam organisasi pengurusan zakat, sudah semestinya lembaga atau syarikat pengurus zakat supaya menggunakan mekanisme pengurusan dalam Islam.

Kejayaan dalam pengurusan zakat bermula daripada pungutan hingga pengagihannya. Baiknya sesuatu pengurusan yang terpenting dalam pemilihan amil (pengurus zakat) sebuah lembaga zakat perlu diperhatikan kehematan perbelanjaan dalam aspek pengurusan. Oleh yang demikian, peranan amil amat penting dalam pengurusan harta zakat di mana kejayaan dalam pengurusan zakat sangat berkesan terhadap kerjaya amil yang profesional. Seterusnya, amil juga mempunyai kuasa dalam memungut zakat serta mengagihkan zakat kepada orang-orang yang berhak menerima zakat.

⁶⁵ Al-Syairāzī (t.t), ‘Al-Muhazzāb’, h.260.

Pengurusan hal ehwal zakat dilakukan oleh pemerintah sesebuah negara. Tujuannya ialah untuk memastikan pelaksanaannya boleh berjalan secara rapi dan teratur. Urusan zakat adalah urusan kerajaan dan bukannya urusan bersifat peribadi. Kerajaan atau wakilnya merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam segala urusan berkaitan zakat, bermula dari proses kutipan hingga ke peringkat agihan.

Perkara ini terbukti kerana pada zaman Rasulullah saw, segala urusan berkaitan zakat adalah diletakkan di bawah kuasa kerajaan. Rasulullah saw telah mengutuskan beberapa orang amil di kalangan para sahabat untuk mengurus urusan zakat.⁶⁶ Ini kerana pentingnya peranan penguasa dalam pengurusan zakat, sebahagian ulama yang berpendapat bahawa zakat perlu diserahkan kepada penguasa atau lembaga yang diwakilnya.

2.9 ASNAF FISABILLAH DALAM SEKTOR PENDIDIKAN

Pada zaman nabi dan zaman sahabat, definisi fisabilillah ini lebih terarah dalam kategori membela agama Allah SWT dengan cara berperang. Terdapat banyak ayat yang menyentuh mengenai fisabililah. Sebagaimana firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, suakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu daripada azab pedih? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwanmu. Itulah yang lebih baik bagimu jika kamu mengetahuinya”

Surah As-Shaf (61):10-11

⁶⁶ Ibid, h.261

Di dalam ayat tersebut telah menunjukkan bahawa makna fisabilillah adalah suatu perkara yang terpenting dalam konsep menginfaqkan harta di jalan Allah SWT dan mencari keredhaanNya.

Namun pada masa kini, zaman telah berubah yang mana tafsiran fisabilillah lebih meluas definisinya dan ia bersangkut paut dengan usaha untuk membela agama Allah SWT, mempertahankan agama Allah, mengembangkan agama Allah, mempromosikan syariat dan syiar Islam serta membela nasib umat Islam yang juga dikategorikan sebagai fisabilillah. Maka mengikut perbincangan ulama', jika seseorang mewakafkan dirinya kepada bidang ilmu, maka ia layak dibantu dengan dana asnaf fisabilillah kerana ia tidak sempat untuk mencari rezeki. Atas sebab itulah ia dibantu dengan bantuan zakat.

Terdapat beberapa pandangan para fuqaha' berkenaan definisi dan takrifan fisabilillah yang membawa erti yang meluas. Imam Sarakhshi menyebutkan dalam mazhab Hanafi ditemukan beberapa pengertian erti kata fisabilillah iaitu pejuang yang fakir dan orang-orang fakir yang melaksanakan haji, lalu putus belanjanya.⁶⁷ Daripada pengertian tersebut, Ibnu 'Abidin menilai bahawa beliau lebih cenderung kepada takrifan pejuang yang fakir. Pengertian ini menurut beliau tidak semua pejuang yang dimaksudkan adalah menjadi asnaf zakat, tetapi pejuang yang dimaksudkan adalah pejuang yang lemah ('ajuz) pendapatan dalam perjuangannya.⁶⁸

Berbeza sebagaimana yang dikemukakan oleh Sarakhshi dalam al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah didapatkan pengertian lain yang dianggap pendapat mazhab ini,

⁶⁷ Syam al-Dīn al-Sarkashī (1993), "al-Masbūt", Juz 3. Beirut: Dar al-Fikr, h.10

⁶⁸ Ibn 'Ābidīn (1994), "Radd al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Arba'ah", Juz 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, h.343

iaitu para penuntut ilmu dan segala kebaikan lainnya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.⁶⁹ Beliau mengkategorikan bahawa fisabilillah itu lebih terarah kepada makna pelaksanaan haji dan penuntut ilmu yang lebih terkenal dalam kalangan mazhab Hanafi.

Sayyid Sabiq pula berpandangan dengan disesuaikan kepada konteks sekarang bahawa fisabilillah merupakan persediaan atau membina tenaga pengajar agama Islam dan mengantar mereka ke negara-negara bukan Islam sebagaimana yang dilakukan oleh orang bukan Islam, serta dalam membiayai sekolah-sekolah yang mengajar tentang pengetahuan agama.⁷⁰

Menurut pendapat Dr Yusuf Al Qardhawi, dalam penulisan beliau menyebut bahawa sesungguhnya jihad itu dilakukan dengan tulisan dan ucapan sebagaimana ia dilakukan pula dengan pedang dan pisau. Kadangkala jihad itu dilakukan dalam bidang pemikiran, pendidikan, sosial, ekonomi, politik sebagaimana haknya dilakukan dengan kekuatan bala tentera. Adapun, Yusuf Al Qardhawi mengharuskan terwujudnya syarat utama pada semuanya itu, iaitu hendaklah fisabilillah itu dimaksudkan untuk membela dan menegakkan kalimah Islam di muka bumi ini. Setiap jihad yang dimaksudkan untuk menegakkan kalimat Allah, termasuk fisabilillah, bagaimanapun keadaan dan bentuk jihadnya.⁷¹

Menurut Quraish Shihab yang menggunakan analogi atau qiyas sebagaimana yang terjadi oleh para ulama yang banyak menggunakan qiyas ketika berhubungan dengan masalah zakat, bahkan ia pun melihat pada konteks pada masa kini bahawa

⁶⁹ Abd al-Hafiz al-Fargħaliyy (t.t), “*al-Fiqh ‘ala al-Mazāhib al-Arba’ah*” Juz. 3. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, h.387.

⁷⁰ Mahmud Syaltūt (1993) “*Al-Islam ‘Aqīdah wa al-Sharī’ah*”, Cet. Ke-3. Beirut: Dar al-Qalam, h.334.

⁷¹ Yūsuf al-Qardhāwī (1973), ‘*Fiqh al-Zakāt*’, h.632.

fisabilillah adalah merupakan pertahanan dan persiapan penyerangan dalam bidang dakwah dan pemikiran.⁷² Ini menunjukkan bahawa takrifan fisabilillah menurut beliau juga membawa erti persiapan dalam menuntut ilmu yang menuju ke jalan Allah SWT.

Oleh itu, berbalik kepada dana sumbangan zakat dalam menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti bidang kedoktoran mahupun akademik, maka ia adalah melihat kepada keperluan wujudnya beberapa pakar dalam bidang tersebut kepada umat Islam. Dana fisabilillah digunakan untuk menaja pelajar yang menyambung pelajaran supaya ia boleh berbakti kepada agama. Manfaat fisabilillah ini lebih kepada umum, ia tidak kepada individu. Hakikatnya, dana fisabilillah amat bermanfaat demi ummah dan pemahaman terhadap takrifan fisabilillah ini dapat meningkatkan taraf pendidikan umat Islam yang tidak hanya terbatas dalam skop tertentu sahaja. Kelak ia akan lebih merugikan ummah.

2.10 PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengagihan zakat terhadap golongan asnaf adalah salah satu cara dalam meningkatkan lagi ekonomi umat Islam dan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam menunaikan kewajipan berzakat bagi golongan yang diwajibkan zakat ke atasnya. Begitu juga dalam kutipan dan pengigahan wang zakat didapati meningkat dari tahun ke tahun. Ini secara langsung meningkatkan jumlah wang zakat untuk diagihkan kepada golongan anaf. Pengurusan agihan wang zakat perlu dilaksanakan dengan berkesan agar tidak menimbulkan ketidakpuasan hati dikalangan pembayar zakat. Sekiranya berlaku sedemikian, ianya akan menyebabkan ada di

⁷² M. Quraish Shihab (2004), “*Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*”, Vol. ke-5, Cetakan ke-2. Jakarta: Lentera Hati, h.635.

kalangan pembayar zakat memilih untuk membayar zakat terus kepada golongan asnaf tanpa melalui pejabat zakat.

BAB TIGA: ZAKAT PENDIDIKAN DI PERAK

3.1 PENGENALAN

Zakat adalah merupakan salah suatu kaedah yang dapat membantu untuk menjana pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Ia merupakan tanggungjawab yang perlu dilunaskan dengan kadar segera bagi mereka yang layak untuk memastikan kestabilan dan keharmonian umat Islam dapat dipelihara dengan sebaiknya. Kewajipan ini turut dilengkapi dengan syarat-syaratnya yang adil, perlu difahami secara mendalam dan disokong bersama dalil-dalil lengkap daripada al-Qur'an dan hadis Nabi saw. Jika masyarakat telah memahami hakikat sebenar tuntutan dan pensyariatan berzakat, nescaya institusi kekeluargaan dapat diperkuuhkan, permasalahan-permasalahan ummah berjaya diselesaikan seterusnya jaringan pertalian ummah semakin erat.⁷³

3.2 ZAKAT DAN PENDIDIKAN.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.⁷⁴

⁷³ Munawir bin Mohd Noh (2012), "Dalil-dalil Pilihan Berkaitan Zakat: Al-Qur'an dan Hadith", Edisi Pertama. Perak: MAIAMPk, h.ii.

⁷⁴ Lihat "Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM 2008"

Kerajaan Malaysia juga telah memberikan peruntukan yang besar dalam pendidikan dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak 36 billion pada tahun 2012 dan 38.7 billion pada tahun 2013. Jumlah peruntukan ini dilihat terus meningkat terutamnya pada tahun 2014 ini iaitu sebanyak 54.6 billion kepada Kementerian Pendidikan. Ini membuktikan bahawa pendidikan menjadi sandaran utama dalam membangunkan negara.⁷⁵ Walaupun kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar dalam pendidikan rakyat Malaysia, tetapi ia tidak memfokuskan kepada golongan asnaf yang seharusnya lebih diberi perhatian supaya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan merubah kehidupan yang lebih baik.

Justeru itu, dana zakat pendidikan turut membantu kerajaan Malaysia dalam menangani masalah pendidikan di kalangan fakir dan miskin. Sebagai contoh, sebanyak RM 35,545,304.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan pada tahun 2012 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kepada seramai 28,696 orang penerima (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2014). Manakala di negeri Johor, sebanyak RM11,250,000.00 dana zakat pendidikan diberikan kepada 3087 orang pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa dana zakat turut memperuntukkan dana yang sangat besar dalam pendidikan negara (Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), 2014). Jelas di sini bahawa, majlis agama Islam dan pusat zakat memperuntukkan sebahagian besar dana zakat dalam bentuk pendidikan bagi membantu golongan asnaf dalam pendidikan.

⁷⁵ Bernama. Oktober 26. “Peruntukan Besar Bukti Pendidikan Sandaran Utama Bangunkan Negara”. 2013. <http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=988622>

3.3 PENGENALAN PENDIDIKAN

Sistem pendidikan di Malaysia melibatkan beberapa tahap pendidikan. Antaranya ialah pra-pendidikan, pendidikan sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas, posmenengah dan pengajian tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia). Ishak Yussoff⁷⁶ menghuraikan bahawa pendidikan tinggi merangkumi semua jenis pendidikan lepasan menengah, kolej, institusi latihan perguruan dan pengajian peringkat universiti. Kebanyakan organisasi induk dalam pra-pendidikan dijalankan oleh agensi-agensi bukan kerajaan atau swasta.

Menurut Akta Pendidikan 1996 di Malaysia, pendidikan rendah adalah pendidikan yang wajib bagi warganegara Malaysia. Ibu bapa yang tidak mematuhi peraturan akan didenda RM5000, atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan, atau kedua-duanya sekali. Selain itu, yuran tidak dikenakan pada tahap pendidikan dari peringkat pra-pendidikan hingga pendidikan pos menengah. Oleh itu, ibu bapa tidak mempunyai alasan untuk tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Selain itu, kerajaan menyediakan pelbagai jenis program biasiswa bagi pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah serta pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

3.4 PENDIDIKAN DALAM ISLAM.

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang

⁷⁶ Ishak Yussof et al (2009), Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Kepentingan Memenuhi Keperluan Pasaran. In: Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (Eds.) "Ekonomi Malaysia ke Arah Pembangunan Seimbang. BAngi: Penerbit UKM, h. 179-198.

mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Pendidikan Islam ialah satu proses mendidik, membentuk serta melatih individu dalam pelbagai aspek jasmani, rohani, akal, akhlak dan kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna, beriman, berakhhlak mulia, berbadan sihat, berilmu dan berkemahiran dalam kerjaya.

Pengertian Pendidikan Islam juga adalah suatu proses untuk mengubah tingkah laku individu dalam kehidupannya berdasarkan pada syariat Islam.⁷⁷ Konsep pendidikan Islam ialah konsep pendidikan rabbani yang bersumberkan bimbingan Ilahi. Pendidikan Islam dapat melahirkan manusia yang baik dan bertanggungjawab pada diri, keluarga dan masyarakat demi mencapai kebahagiaan hakiki dengan berpandukan wahu daripada Allah s.w.t. Malah, Rasulullah s.a.w. telah memperkenalkan konsep pendidikan seumur hidup, belajar dan mencari ilmu sepanjang hayat tanpa membezakan lelaki dengan wanita.

Kesimpulannya, pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah satu proses latihan akal, jasmani, rohani, *ijtimaiah* (kemasyarakatan) dan *akhlaqiah* (akhlek) manusia. Ini berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan daripada al-Qur'an dan al- Sunnah bagi melahirkan manusia yang sempurna.

⁷⁷ Bukhari Umar, 2011. *Ilmu Pendidikan Islam*. Yang Menerbitkan PT Bumi Aksara : Jakarta.

3.5 ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN SEKTOR PENDIDIKAN.

Bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah atau tiket penting yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Disebabkan oleh kepentingan pendidikan ini kepada golongan asnaf fakir dan miskin, maka institusi zakat giat memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia dan memastikan golongan asnaf fakir miskin ini mendapat peluang pendidikan dan berjaya seperti orang lain.

Zakat memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan bagi golongan asnaf zakat terutamanya pelajar fakir dan miskin di Malaysia. Terdapat beberapa kes melibatkan golongan fakir dan miskin yang berhenti sekolah dan tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan. Kes seperti ini telah direkodkan dan mendapat liputan yang meluas oleh pihak media massa dan elektronik.

Berdasarkan tinjauan awal yang dibuat oleh penyelidik terhadap institusi zakat negeri negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, institusi institusi ini mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi ke luar negara.

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Abd Halim dan Mohd Saladin⁷⁸, ia menerangkan kaedah yang dilaksanakan dalam mengelola dana zakat yang telah dikumpul supaya dapat diagihkan kepada asnaf yang berhak. Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara dan ummah.

3.6 LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK⁷⁹

Negeri Perak merupakan salah sebuah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) yang ditubuhkan menerusi Perjanjian Bersekutu (Treaty of Federation) pada 1 Julai 1896. Pada ketika itu, Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) telah ditubuhkan untuk membincangkan hal ehwal dan kepentingan bersama di antara Raja-Raja Melayu dengan Pemerintahan British. Negeri Perak menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau lebih dikenali sebagai Mesyuarat Durbar, yang telah diadakan pada 13 hingga 17 Julai 1897 bertempat di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak British, bermula daripada Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, hingga kepadanya penubuhan

⁷⁸ Abd Halim & Mohd Saladin. (2011). ‘Pengurusan Agihan Zakat: *Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

⁷⁹ https://ms.wikipedia.org/wiki/Majlis_Agama_Islam_dan_Adat_Melayu_Perak

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, suatu ketetapan telah disepakati secara bersama, bahawa, segala perkara berhubung hal ehwal Agama Islam (Islamic Affair) dan Adat Melayu (Malay Custom) hendaklah berada di bawah bidang kuasa Raja Melayu. Justeru, Ketua Agama Islam dan Adat Melayu yang berkuasa penuh di Negeri Perak pada zaman itu, ialah Duli Yang Maha Sultan. Amalan ini dikenakan hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, undang-undang tertua berhubung hal ehwal agama Islam yang telah dikuatkuasakan di Negeri Perak ialah Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan (Ninety nine Laws of Perak) yang telah diamalkan sehingga ke tahun 1900. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang tersebut. Adalah dipercayai, undang-undang itu telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Idris Murshidul A'azam Shah ibni Al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (1887 hingga 1916).

Kemudiannya, pada tahun 1900, satu undang-undang yang dinamakan Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-Orang Islam Bab 197 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Berikutan itu, sebuah bangunan telah didirikan di kawasan Pejabat Kadi Wilayah Kuala Kangsar untuk dijadikan sebuah ibu pejabat pentadbiran Islam yang dinamakan sebagai Balai Syara'. Seorang Kadi Besar telah dilantik bagi mengetuai Kadi-Kadi Wilayah dan ditempatkan di sini. Pada ketika itu wilayah-wilayah kadi yang dikuatkuasakan ialah Kuala Kangsar, Taiping, Simpang Lima, Selama, Lenggong, Ipoh, Batu Gajah, Parit, Sitiawan, Teluk Intan, Tapah dan Tanjung Malim. Kadi Besar pertama yang dilantik ialah Tuan Habib Abdullah.

Pada tahun 1917, Komiti Quran Perak pula telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam di Negeri Perak. Pengerusi pertama yang dilantik ialah Sultan Iskandar Shah Ibni Al-Marhum Sultan Idris Ramatullah Shah (1918-1938), yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Komiti Quran Perak ini juga, turut bertindak sebagai Komiti Syariah Negeri Perak, yang bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pentadbiran agama Islam secara umum pada masa itu termasuklah mengeluarkan kebenaran bagi penerbitan buku-buku agama, petaulahan mengajar dan sebagainya.

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang Malayan Union (ditubuhkan 1 April 1946), beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British. Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di Negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar. Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernas bagi menuahkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi Negeri Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili Kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 tersebut, telah membawa kepada pembentukan

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuat kuasa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah Fasal VI.(1) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu :

Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan 'adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan 'adat Melayu.

Setelah kemangkatan baginda Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah pada 29 Mac 1948, takhta kerajaan Negeri Perak diwarisi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullahulah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhataram Karamatullah Shah (1948-1963). Kerajaan Negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957).

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzudin Shah inilah, maka, Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952.

Dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, pentadbiran Balai Syara' dan Komiti Quran Perak yang berada di Kuala Kangsar, telah disatukan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan dipindahkan ke Ipoh. Manakala, pentadbiran Balai Syara' yang sedia ada telah diserapkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Kuala Kangsar. Pejabat rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang pertama telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bagi memperkemaskan lagi pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di Negeri Perak, undang-undang yang berkaitan dengannya telah disemak, dipinda dan digubal beberapa kali. Pada tahun 1965, sebuah undang-undang yang dinamakan sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 (Enakmen Bil. 11 Tahun 1965) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan undang-undang tahun 1952. Kemudian, pada 13 Januari 1993, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 tersebut telah digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 (Enakmen Bil. Tahun 1992). Di bawah Enakmen Bil. 2 Tahun 1992 tersebut, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan. Bagi tujuan keseragaman dengan negeri-negeri lain seluruh Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama 1992 tersebut, akhirnya digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Enakmen Bil. 4 Tahun 2004 tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 September 2004 dan masih kekal

berkuatkuasa sehingga kini. Entiti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu juga masih dikekalkan sebagai badan berkanun kerajaan.

3.7 PENGURUSAN ZAKAT DALAM PENDIDIKAN DI PERAK

Di Malaysia, urusan agihan zakat adalah tertakluk di bawah perundangan kerajaan negeri yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat banyak pendapat dan pandangan berkaitan pembahagian zakat kepada asnaf. Malaysia adalah negara yang mengamalkan mazhab Imam Syafie. Menurut pandangan mazhab Imam Syafie, apabila urusan mengagihkan wang zakat itu adalah oleh pemerintah atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Maka agihan hendaklah dibuat kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Bahagian pertama diambil oleh amil kerana itu sebagai imbuhan mereka telah bersusah payah mengutip wang zakat dan selebihnya diagihkan kepada golongan lain di atas dasar persamaan hak antara mereka.

Sebagaimana di negeri Perak, kutipan zakat telah menunjukkan satu keputusan yang memberansangkan berdasarkan jumlah kutipan yang dibuat. Begitu juga dengan kutipan setiap tahun yang telah menunjukkan peningkatan yang begitu baik. Ini menunjukkan kecekapan bahagian zakat dalam melakukan kutipan zakat bagi memperkasakan ekonomi ummah terutamanya di negeri Perak. Ini sebagaimana di dalam Jadual 3.1 menunjukkan jumlah kutipan zakat di negeri Perak pada tahun 2013-2015.

Jadual 3.1: Data Kutipan Zakat di Negeri Perak.

TAHUN	KUTIPAN (RM)
2013	109,825,143.00
2014	114,588,532.29
2015	132,224,707.37

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah kutipan dan agihan zakat telah meningkat dari tahun 2013 sehingga tahun 2015. Prestasi ini menunjukkan peningkatan tahap kepercayaan yang diletakkan oleh pembayar zakat kepada jabatan pengurusan zakat. Peningkatan yang memberangsangkan ini disebabkan oleh banyak faktor antaranya kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya. Penswastaan institusi zakat telah menimbulkan minat ramai pengkaji untuk melihat kesannya terhadap jumlah kutipan zakat.⁸⁰

Begitu juga dalam agihan zakat kepada golongan asnaf di negeri Perak. Dalam pengagihan zakat, zakat hanya boleh digunakan atau diagihkan kepada lapan golongan sahaja berdasarkan al-Qur'an di dalam surah at-Taubah, ayat 60 iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, *muallaf*, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah). *Ibn sabil* (musafir di perjalanan). Agihan zakat yang adil hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Ini sebagaimana di dalam Jadual 3.2 menunjukkan jumlah kutipan zakat di negeri Perak pada tahun 2013-2015.

⁸⁰ Ragayah Haji Mat Zin. "Malaysia: Towards a Social Protection System in an Advanced Equitable Society." ASEAN Economic Bulletin 29.3 (2012): 197-217. Project MUSE. Web. 24 Jul. 2013.

Jadual 3.2: Data Agihan Zakat di Negeri Perak.

TAHUN	AGIHAN (RM)
2013	101,641,793.00
2014	130,319,694.70
2015	164,530,512.67

Berdasarkan jumlah kutipan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, ini menunjukkan bahawa prestasi dapatan agihan zakat kepada golongan asnaf semakin meluas, terutamanya kepada golongan yang menyambung pelajaran di pengajian tinggi. Walaubagaimanapun, agihan dan kelayakan penerimaan zakat pendidikan adalah bergantung kepada penentuan had al-kifayah di negeri Perak dengan mengambilkira pendapatan isi keluarga dan juga perbelanjaan isi rumah. Ini yang akan menentukan kelayakan dalam menerima dana zakat pendidikan bagi yang menyambung pelajaran.

Jika dilihat dari sudut pengagihan zakat terutamanya dalam program pendidikan, hanya sebanyak 17.5% sahaja agihan zakat bagi pelan program pendidikan di negeri Perak berbanding jumlah kutipan yang mencecah sehingga 165 juta ringgit bagi tahun 2015.

3.8 KONSEP HAD KIFAYAH DALAM PENENTUAN ZAKAT

Kebanyakan institusi zakat menggunakan pendekatan kewangan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan kaedah Had Kifayah (Purata Garis Kemiskinan Zakat). Kaedah pengiraan Had Kifayah (HK) adalah hampir sama dengan Purata Garis Kemiskinan (PGK) kerana ia menggunakan pendapatan sebagai pembolehubah untuk menentukan

sama ada individu atau isi rumah itu miskin atau sebaliknya.⁸¹ PGK didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan minimum termasuklah makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa. PGK ini telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, manakala Had Kifayah ditentukan oleh institusi zakat negeri masing-masing.

Penggunaan Had Kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin. Al-Qardawi mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan keselesaan untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti di mana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau mengcukupi taraf hidup Keperluan Asas (*Daruriyyat*) dan Keselesaan (*Hajiyat*).⁸²

Islam menekankan umatnya untuk mengambil serius peranan zakat dalam memperbaiki kehidupan sosial umat Islam yang miskin. Beliau juga menyatakan bahawa kadar zakat yang diterima oleh orang miskin sepatutnya membantu mereka meningkatkan taraf hidup mereka, iaitu, dalam memenuhi *Daruriyyat* dan keperluan *Hajiyat* mereka yang menjadi keperluan minimum dalam hidup mereka.

Othman al-Habshi menjelaskan bahawa zakat adalah cara yang paling berkesan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan.⁸³ Oleh itu, zakat yang diterima oleh mereka haruslah membolehkan mereka untuk meningkatkan keperluan

⁸¹ JAWHAR. 2007. *Manual Pengurusan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

⁸² Mohd Parid Syeikh Ahmad, 2001, “Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam.” Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM

⁸³ Syed Othman al Habshi, 1990. Peranan dan Struktur Bayt al Mal, Zakat dan Wakaf Di Dalam Konteks Peralihan Arah Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Paper presented at the Seminar On Islam and Development organized by IIUM.

kehidupan mereka. Perspektif keperluan di sini bermaksud kesejahteraan dalam kehidupan untuk mencapai kemudahan dan keselesaan dalam kehidupan mereka.

3.8.1 PENGIRAAN HAD KIFAYAH BAGI KAWASAN BANDAR

Jadual 3.3 menunjukkan contoh penentuan had kifayah bagi kawasan bandar berdasarkan keperluan isi rumah di negeri Perak.

Jadual 3.3: Pengiraan Had Kifayah di Perak (Kawasan Bandar)

KUANTITI	KATEGORI ISI RUMAH	KADAR HAD KIFAYAH
1	Ketua Keluarga	549.00
1	Dewasa (Bekerja)	139.50
1	Dewasa (Tidak bekerja)	236.50
1	Dewasa Sekolah	274.00
1	Remaja Sekolah	236.50
1	Kanak-kanak Sekolah	179.50
1	Kanak-kanak	103.00
JUMLAH KESELURUHAN		1718.00

PELARASAN TAMBAHAN

KUANTITI	KATEGORI ISI RUMAH	KADAR HAD KIFAYAH
1	Sakit Kronik	240.00
1	Orang Kurang Upaya	240.00
1	Ibu Tunggal	240.00
1	Isteri Yang Ditinggalkan	240.00
1	Tanggungan Masih Belajar Di IPT	120.00

1	Keluarga Bermasalah (Dadah/HIV)	120.00
---	---------------------------------	--------

Sumber: Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak

Berdasarkan jadual di atas, sebagai contoh, sekiranya sebuah keluarga itu mempunyai 7 anggota keluarga dengan kedua-dua ibu bapa bekerja, seorang dewasa bekerja yang berumur 18 tahun, seorang dewasa sekolah yang berumur 18 tahun dan menyambung pelajaran di pengajian tinggi umpamanya, seorang remaja bersekolah, seorang kanak-kanak bersekolah dan kanak-kanak dalam kumpulan umur 1-6, maka had kifayah keluarga tersebut adalah RM 1718. Namun, sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah RM 1900, maka keluarga ini tidak layak untuk menerima zakat kerana pendapatan isi rumah tersebut melebihi had kifayah yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan mereka adalah RM 718, maka mereka layak untuk menerima zakat sebanyak RM 1000 bagi mencukupi had kifayah mereka. Begitu juga sekiranya di dalam isi keluarga tersebut terdapat ahli keluar yang mempunyai penyakit kronik, tambahan had kifayah juga ditambah kepada RM 240 bagi kategori tersebut ataupun mengikut jenis situasi ahli keluarga tersebut di dalam pelarasan tambahan dan jumlah yang telah ditetapkan.

3.8.2 PENGIRAAN HAD KIFAYAH BAGI KAWASAN LUAR BANDAR

Jadual 3.4 pula menunjukkan contoh penentuan had kifayah bagi kawasan luar Bandar berdasarkan keperluan isi rumah di negeri Perak.

Jadual 3.4: Pengiraan Had Kifayah di Perak (Kawasan Luar Bandar)

KUANTITI	KATEGORI ISI RUMAH	KADAR HAD KIFAYAH
1	Ketua Keluarga	380.00
1	Dewasa (Bekerja)	87.50
1	Dewasa (Tidak bekerja)	146.00
1	Dewasa Sekolah	203.50
1	Remaja Sekolah	166.50
1	Kanak-kanak Sekolah	130.50
1	Kanak-kanak	77.50
JUMLAH KESELURUHAN		1191.50

PELARASAN TAMBAHAN

KUANTITI	KATEGORI ISI RUMAH	KADAR HAD KIFAYAH
1	Sakit Kronik	240.00
1	Orang Kurang Upaya	240.00
1	Ibu Tunggal	240.00
1	Isteri Yang Ditinggalkan	240.00
1	Tanggungan Masih Belajar Di IPT	120.00
1	Keluarga Bermasalah (Dadah/HIV)	120.00

Sumber: Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak

Berdasarkan jadual di atas, sebagai contoh, sekiranya sebuah keluarga di luar bandar itu mempunyai 7 anggota keluarga dengan kedua-dua ibu bapa bekerja, seorang dewasa bekerja yang berumur 18 tahun, seorang dewasa sekolah yang berumur 18 tahun dan menyambung pelajaran di pengajian tinggi umpamanya, seorang remaja bersekolah, seorang kanak-kanak bersekolah dan kanak-kanak dalam kumpulan umur 1-6, maka had

kifayah keluarga tersebut adalah RM 1191.50. Namun, sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut melebihi daripada penetapan had kifayah oleh MAIAMPk seperti memperolehi pendapatan sebanyak RM 1200.00, maka keluarga ini tidak layak untuk menerima zakat kerana pendapatan isi rumah tersebut melebihi had kifayah yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan mereka adalah sebanyak RM 900.00, maka mereka layak untuk menerima zakat lebih kurang RM 300 bagi mencukupi had kifayah mereka. Begitu juga sekiranya di dalam isi keluarga tersebut terdapat ahli keluar yang mempunyai penyakit kronik, tambahan had kifayah juga ditambah kepada RM 240 bagi kategori tersebut ataupun mengikut jenis situasi ahli keluarga tersebut di dalam pelarasan tambahan dan jumlah yang telah ditetapkan.

3.9 PENUTUP

Menurut Maslow (1954), keperluan asas seseorang mestilah dipenuhi sebelum meneruskan kehidupan untuk keperluan masa hadapan. Oleh itu, seseorang mesti mencapai atau memenuhi keperluan asas pertama untuk terus hidup di mana keperluan yang paling asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebelum beralih kepada memenuhi keperluan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, jika seseorang individu tidak dapat memenuhi keperluan asas beliau, ini menunjukkan bahawa hidupnya tidak berkualiti. Walau bagaimanapun, jika keperluan asas telah dipenuhi, seseorang itu akan beralih kepada keperluan yang lebih tinggi dan keperluan lain. Menurut Maslow, seseorang akan cuba untuk memenuhi keperluan dan cuba untuk mendapatkan keperluan tertinggi (kepuasan diri). Jika seseorang mencapai kepuasan diri, dia boleh dikatakan telah mendapat kualiti tertinggi kehidupan.⁸⁴

⁸⁴ Abuzar Asra, 2000; “*Poverty and Inequality in Indonesia: Estimates, decomposition, and key issues.*” Journal of the Asia Pacific Economy 5 (1/2) 2000: 91-111.

Berdasarkan data kutipan dan agihan zakat yang dibuat oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, ini menunjukkan bahawa kutipan yang dibuat adalah memberansangkan serta dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak. Ini dapat dilihat jumlah kutipan zakat di Perak pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM 132,224,707.37 dan pengagihan zakat khususnya bagi program pembangunan pendidikan adalah sebanyak RM 28,825,203.14. Ini menunjukkan sebanyak 21.8% jumlah kutipan zakat pada tahun tersebut diagihkan kepada program-program pendidikan di Perak.

Mengenai sejarah pengurusan zakat di Perak, pengurusan zakat di Negeri Perak telah bermula dengan tertubuhnya undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952. Perjanjian Sultan dengan Pesuruhjaya Tinggi British yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948, telah membawa kepada pembentukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Dengan berkuat kuasa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan.

Undang-undang inilah yang menjadi landasan legal formal pelaksanaan pengurusan umat Islam antaranya zakat di Negeri Perak. Dengan terbentuknya undang-undang tersebut, sehingga secara rasmi terbentuklah pentadbiran agama Islam di bawah satu pengurusan antaranya bahagian pengurusan zakat di Negeri Perak.

BAB EMPAT: ANALISIS AGIHAN ZAKAT TERHADAP SEKTOR PENDIDIKAN DI PERAK

4.1 PENGENALAN

Pembahasan dalam bab ini merupakan analisis data tentang agihan zakat dalam sektor pendidikan di Perak, iaitu kajian di Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIAMPk). Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi daripada bab 2 iaitu Pengenalan Zakat dan Pendidikan dan bab 3 iaitu Zakat Pendidikan di Perak telah dirangkum serta dihubungkaitkan kedua-duanya secara utuh. Seterusnya pengkaji melakukan penyusunan data dalam pola tertentu melalui pengorganisasian pola dan membuat perbandingan, sehingga dapat menemukan persamaan dan perbezaan dalam penentuan had kifayah kepada asnaf bagi zakat pendidikan.

Dengan demikian, pembahasan dalam bab ini mampu menjawab rumusan masalah yang ada dalam penelitian ini. Ini sebagaimana dapat dilihat pembahasan berikut:

4.2 PELAKSANAAN ZAKAT DI NEGERI PERAK

Sistem pengurusan zakat di Malaysia juga tidak terkecuali di mana zakat telah mula bertapak sejak era pre-klonial lagi di mana masyarakat Islam pada ketika itu telah membayar zakat fitrah hanya kepada amil yang terdiri daripada guru-guru agama.⁸⁵ Ini menggambarkan bahawa keadaan bayaran zakat pada ketika itu adalah secara manual dan dibayar kepada amil sahaja. Namun kini dengan wujudnya perkembangan teknologi

⁸⁵ Abdul-Wahab, Mohamed et. al., 1995. Malaysia :A Case Study of Zakah Management in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework oN Zakah: Dimensions and Implication*. Jeddah: IRTI/IDB.

maklumat serta perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, maka kaedah pembayaran zakat tidak lagi tertumpu kepada amil tetapi pelbagai kaedah bayaran zakat disediakan oleh institusi zakat negeri dengan kerjasama institusi perbankan Islam.⁸⁶

Sebagai sebuah institusi yang mengelolakan wang zakat, sudah seharusnya semua dasar dan peruntukan dibuat peraturan secara jelas dan bertulis, seperti prestasi kutipan dan agihan zakat, kriteria penerima zakat, sistem kutipan zakat dan agihan zakat yang sistematik, penugasan, dan sebagainya. Dengan demikian, keberlangsungan institusi tidak bergantung kepada seseorang, tetapi bergantung kepada sistem yang telah dibentuk dalam organisasi tersebut, sehingga sekalipun berlaku pertukaran pelaksana, aktiviti lembaga tidak akan terganggu kerananya. Dalam mewujudkan pengurusan zakat yang profesional, Bahagian Zakat MAIAMPk bermula dengan aktiviti perancangan, di mana di dalamnya meliputi perancangan menegnlpasti asnaf-asnaf, bajet dan pengumpulan data penerima zakat dan pembayar zakat.

Dalam melakukan pengurusan zakat, Bahagian Zakat MAIAMPk selalu membuat perancangan program kerja, baik sifatnya jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Hal ini bertujuan untuk memudahkan serta menjadi panduan pengurus Bahagian Zakat dalam melakukan aktiviti pengurusan zakat di Bahagian Zakat MAIAMPk. Program tersebut meliputi program pungutan zakat, pengagihan zakat, dan peningkatan kemahiran pengurus zakat.

Hasil daripada kajian mengenai prestasi pelaksanaan zakat sama ada dari segi kutipan mahupun agihan zakat di negeri Perak, berikut dapat diterangkan secara terperinci perbandingan jumlah kutipan dan agihan zakat bagi tiga tahun terakhir. Ini


⁸⁶ Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein dan Suhaina Musani, 2005. Peranan Institusi Bank Sebagai Agen Kutipan Dalam Aktiviti Bayaran Zakat: Kajian Ke atas Pusat Zakat Selangor. Dalam *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*. 29-30 Ogos 2005. Selangor: ESSET Bangi.

sebagaimana dapat dilihat dari sudut prestasi kutipan dan juga agihan zakat di negeri Perak.

4.2.1 Pelaksanaan Kutipan Zakat di Negeri Perak.

Di Malaysia, pungutan zakat semakin meningkat dari semasa ke semasa dan angka kutipan yang memberansangkan. Begitu juga prestasi kutipan zakat di negeri Perak yang menunjukkan prestasi yang baik dari segi kutipan zakat. Disebabkan itu, zakat berperanan sebagai kaedah dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Kutipan zakat boleh digunakan untuk mewujudkan tarikan dana yang boleh digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pemberian dan boleh mengantikan perbelanjaan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa zakat mempunyai peluang yang tinggi bagi mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan di Malaysia amnya dan di Perak khususnya.

Prestasi kutipan zakat di Perak pada tahun 2015 telah menunjukkan peningkatan jumlah kutipan sebagaimana di dalam statistik kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat harta dan fitrah di Perak berdasarkan data yang diperolehi daripada Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak. Jumlah kutipan zakat di Perak pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 132,584,966.22 mengikut jenis kutipan zakat. Rajah 4.1 menunjukkan statistik kutipan zakat harta dan fitrah di Perak bagi tahun 2015.



Rajah 4.1: Kadar Kutipan Zakat di Perak Bagi Tahun 2015

Berdasarkan rajah tersebut, ini menunjukkan bahawa kadar kutipan zakat di negeri Perak pada tahun 2015 adalah hasil daripada kutipan pembayar daripada perniagaan, pendapatan, wang simpanan dan lain-lain. Ini memberi gambaran bahawa sistem kutipan yang dibuat oleh bahagian zakat yang lebih memudahkan pembayar zakat dalam melakukan rukun Islam keempat itu. Sebagai contoh, majoriti bahagian kutipan zakat adalah daripada sumber zakat pendapatan, perniagaan dan simpanan. Faktor ini adalah disebabkan dengan wujudnya kemudahan dalam membayar zakat melalui potongan gaji bagi zakat pendapatan, pembayaran secara *online* dan juga pembayaran terus ke kaunter bahagian zakat.

4.2.1.1 Kutipan Dan Bilangan Pembayar Zakat Harta Dan Fitrah

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Pegawai Bahagian Zakat Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIAMPk), berikut merupakan statistik kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat harta dan fitrah negeri Perak bagi tahun 2015.

Jadual 4.1: Statistik Kutipan Zakat dan Bilangan Pembayar**Zakat Harta dan Fitrah Bagi Tahun 2015****Negeri Perak Darul Ridzuan**

Bil.	Jenis Zakat	Jumlah Kutipan (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1	Pendapatan	42,091,738.85	29,799
2	Perniagaan	47,453,912.70	2,162
3	Wang Simpanan	26,848,760.88	15,799
4	Saham	252,535.62	136
5	KWSP	2,617,862.43	1,802
6	Emas dan Perak	609,672.82	689
7	Qadha	-	-
8	Mal	-	-
9	Tanaman	1,096,192.33	2,382
10	Ternakan	106,980.00	44
11	Galian	-	-
12	Fitrah	8,251,915.00	1,178,845
13	Lain-lain	3,255,395.59	1,503
JUMLAH		132,584,966.22	1,233,161

Berdasarkan jadual di atas, ini menunjukkan bilangan pembayar zakat yang semakin meningkat dan majoriti daripada pembayar tersebut adalah daripada golongan yang berpendapatan. Pembayaran zakat pendapatan ini juga diambilkira setelah menolak segala perbelanjaan tahunan dan keperluan harian serta mengambilkira nisab zakat.


Sebagai contoh, bagi zakat pendapatan, Bahagian Zakat Perak juga menyediakan borang zakat melalui potongan gaji kepada sesiapa yang mahu potongan gaji secara automatik. Walaupun tidak diwajibkan membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji di negeri Perak sepetimana kewajipan di sebahagian negeri-negeri lain, dengan jumlah bilangan pembayar yang tinggi telah menunjukkan bahawa masyarakat masih mempunyai rasa tanggungjawab dalam membayar zakat pendapatan misalnya. Tambahan pula kini terdapat kemudahan-kemudahan yang lain seperti pembayaran melalui maybank2u (*zakat online*), pengiraan zakat melalui kalkulator zakat dan sebagainya telah memberi kesan positif terhadap kutipan zakat di negeri Perak.

4.2.2 Pelaksanaan Agihan Zakat di Negeri Perak.

Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara dan ummah.⁸⁷

Rajah 4.2 pula menunjukkan prestasi agihan Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak bagi tahun 2015. Kadar pengagihan wang zakat telah diagihkan mengikut kategori asnaf yang layak menerima zakat antaranya golongan fakir miskin yang menerima bantuan zakat sebanyak 52.9%, ‘amil 11.7%, fisabilillah 27.8%, muallaf 6.1%, ghorimin 0.8% dan ibnu sabil 0.7%.

⁸⁷ Siti Martiah Anwar, Azman Ab Rahman etc. (t.t) “Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf: Kajian Perbandingan Antara Negeri Sembilan Dan Negeri Selangor”, Universiti Sains Islam Malaysia.



Rajah 4.2: Kadar Pengagihan Zakat di Perak Bagi Tahun 2015

Agihan zakat melalui skim zakat pendidikan merupakan faktor penting dalam projek jangka masa panjang pembasmian kemiskinan. Pembasmian kemiskinan merupakan perkara yang perlu dititikberatkan selari dengan usaha negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Bersesuaian dengan matlamat penubuhan MAIAMPk yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal umat Islam, maka langkah-langkah untuk membela asnaf fakir miskin perlu diberi perhatian, terutamanya kepada golongan yang memerlukan sumbangan dalam bidang pendidikan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti akan keberkesanan pengagihan zakat oleh MAIAMPk kepada golongan asnaf terutamanya dalam meningkatkan sektor pendidikan, mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidakseimbangan pengagihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di negeri Perak.

4.2.2.1 Agihan Zakat Dan Bilangan Penerima Zakat Mengikut Kategori Asnaf

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Pegawai Bahagian Zakat Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIAMPk), berikut pula merupakan statistik agihan zakat dan bilangan penerima zakat harta dan fitrah negeri Perak bagi tahun 2015.

Jadual 4.2: Statistik Agihan Zakat dan Bilangan Penerima Mengikut Kategori Asnaf Negeri Perak Bagi Tahun 2015

Bil.	Kategori Asnaf	Jumlah Agihan (RM)	Bilangan Penerima/ Program (Orang)
1	Fakir dan Miskin	86,947,697.02	60,090
2	‘Amil	19,274,149.33	Bayaran Emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pembelian asset, perbelanjaan-perbelanjaan lain.
3	Muallaf	10,059,074.06	141 Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) memperuntukkan dana bagi tujuan dakwah sebanyak RM 8,603,074.06 yang diuruskan oleh Pentadbiran Pejabat Agama Islam Negeri Perak (JAIPk).
4	Al-Riqab	-	-
5	Al-Gharimin	1,268,441.54	166
6	Fisabilillah	45,738,483.12	17,050
7	Ibnu Sabil	976,667.60	448
JUMLAH		164,264,512.67	77,895

4.3 Kelayakan Zakat Pendidikan Bagi Golongan Asnaf

Zakat dan pendidikan sebenarnya saling berkait rapat di antara satu sama lain. Ini kerana, di dalam hasil kutipan zakat itu, terdapat hak bagi golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Antaranya ialah kepada golongan yang berpergian perjalanan dalam menuntut ilmu dan golongan fakir miskin yang sememangnya tidak berkemampuan dalam pengurusan diri mahupun isi keluarga, terutamanya mempunyai keinginan untuk menyambung pelajaran tetapi dinafikan dari sudut kemampuan kewangan. Maka, dengan penyaluran dana zakat bagi program pendidikan adalah sesuatu yang sewajarnya bagi golongan asnaf dan penekanan terhadap ilmu pengetahuan juga harus dititikberatkan agar tidak ketinggalan jauh ke belakang.

Berdasarkan Manual Pengurusan Agihan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008), ia menerangkan tentang bentuk bantuan dan skim pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf seperti skim bantuan pelajaran, skim bantuan Am pelajaran/ dermasiswa, skim bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah mahupun menengah, skim bantuan aktiviti dan lawatan belajar. Tujuan skim seperti ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan asnaf supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga.

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi zakat di Malaysia telah memberikan beberapa bentuk skim dan bantuan pelajaran kepada fakir dan miskin di Malaysia. Tetapi permasalahan lain yang timbul adalah seperti golongan asnaf seperti fakir dan miskin, muallaf, fisabilillah dan ar-riqab ini tidak diberikan pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara dan kelayakan untuk memohon bantuan tersebut yang

menyebabkan hanya segelintir sahaja golongan tersebut yang mendapat manfaat daripada skim dan bantuan tersebut. Isu ini turut dibincangkan juga dalam kajian yang dijalankan oleh Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar⁸⁸ yang bertajuk ‘Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam’ dalam Jurnal Pengurusan Jawhar, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini menjelaskan bahawa salah satu faktor kegagalan dan kesukaran permohonan bantuan pendidikan adalah disebabkan oleh pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan.

Maka, pendedahan terhadap pembahagian dana zakat pendidikan dan prosedur permohonan seharusnya diberi pendedahan yang meluas supaya golongan asnaf tersebut mendapat informasi yang tepat dan benar. Ini dapat memudahkan para asnaf mengetahui secara terperinci akan proses pengagihan zakat serta kelayakan asnaf dalam menerima bantuan zakat terutamnya dalam bidang pendidikan oleh MAIAMPk. Ini juga dapat mengelakkan sebarang spekulasi serta tanggapan salah oleh sebahagian para asnaf terhadap insitutusi zakat dalam penguruan zakat.

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa hampir kesemua golongan asnaf zakat menerima bantuan atau skim pendidikan zakat kecuali golongan asnaf iaitu gharimin, al-riqab dan amil zakat di negeri Perak. Sebanyak RM 28,825,203,14 digunakan dalam perbelanjaan zakat bagi program pembangunan pendidikan di Perak iaitu sebanyak 22% daripada jumlah keseluruhan agihan zakat mengikut program pembangunan pada tahun 2015. Jumlah agihan zakat tertinggi adalah kepada asnaf fakir dan miskin iaitu sebanyak 6.6 juta bagi keperluan pendidikan manakala agihan yang terendah adalah

⁸⁸ Ab Rahman, Azman dan Makhtar, Ahmad Wifaq. (2011). Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.

sebanyak 0.04 juta kepada asnaf mualaf dalam bentuk bantuan umum pelajaran (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Perak, 2015).

4.4 Pengurusan Agihan Zakat Dalam Pembangunan Sektor Pendidikan Di Negeri Perak

Golongan asnaf fakir dan miskin di Negeri Perak menerima bantuan atau zakat pendidikan dalam bentuk bantuan am pelajaran, bantuan persekolahan, skim latihan kemahiran asnaf dan skim biasiswa pelajaran baitulmal. Jumlah yang diperuntukkan bagi golongan asnaf fakir dan miskin ini pada tahun 2015 adalah sebanyak 6.6 juta. Manakala asnaf mualaf diberikan zakat pendidikan dari segi sewa kelas fardhu ‘Ain saudara kita sebanyak 0.04 juta. Asnaf Fisabilillah menerima zakat pendidikan dari segi bantuan per-kapita sekolah latihan wanita, bantuan per-kapita sekolah latihan wanita, Bbantuan kepada pelajar KUISAS- pelajar luar negara serta dermasiswa dalam dan luar Negara. Jumlah yang diperuntukkan bagi asnaf fisabilillah adalah sebanyak 15.0 juta. (Laporan Kutipan dan Agihan Zakat Perak, 2015). Skim zakat pendidikan di negeri Perak ini juga dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Perbelanjaan Zakat Bagi Program Pembangunan Pendidikan Bagi Tahun 2015 Negeri Perak Darul Ridzuan

Bil.	Skim Bantuan	Golongan Asnaf	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1	Bantuan Am Pelajaran (Pendaftaran Masuk ke IPT)	Fakir dan Miskin	269,100.00
		Fisabililah	6,366,437.00
2	Bantuan persekolahan	Fakir dan Miskin	4,972,436.50

3	Skim Latihan Kemahiran Asnaf	Fakir dan Miskin	1,147,264.00
4	Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal	Fakir dan Miskin	263,000.00
5	Sewa Kelas Fardhu ‘Ain Saudara Kita	Muallaf	42,783.00
6	Tambang Perjalanan Pergi Belajar Luar Negara	Ibnu Sabil	482,467.64
7	Tambang Perjalanan Balik Belajar Luar Negara	Ibnu Sabil	248,929.00
8	Bantuan Per-kapita Sekolah Agama Rakyat	Fisabilillah	3,031,246.00
9	Bantuan Per-kapita Sekolah Latihan Wanita	Fisabilillah	95,000.00
10	Bantuan Kepada Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) – Pelajar Luar Negara	Fisabilillah	200,000.00
11	Dermasiswa Dalam Negara (Pengajian Dalam Negara)	Fisabilillah	4,198,940.00
12	Dermasiswa Luar Negara (Pengajian Luar Negara)	Fisabilillah	7,508,600.00
JUMLAH KESELURUHAN			28,825,203.14

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat pelbagai bentuan skim bantuan yang telah diwujudkan oleh MAIAMPk dalam membangunkan program sektor pendidikan di negeri Perak dalam melahirkan golongan generasi yang berilmu terutamanya kepada golongan asnaf yang kurang berkemampuan dalam menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Ini sebagaimana contoh bentuk skim bantuan seperti Bantuan Am Pelajaran bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menyasarkan kepada golongan fakir, miskin dan fisabilillah. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar keciciran pelajaran dan membela golongan asnaf dalam bidang pendidikan.

Usaha Bahagian Zakat MAIAMPk ini dilihat telah menampakkan hasil apabila bilangan anak-anak fakir dan miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat dari tahun ke tahun. Ia memberikan gambaran bahawa kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan anak-anak asnaf fakir dan miskin ini menjadi kebanggaan kepada MAIAMPk serta pembayar zakat seterusnya mereka menjadi contoh kepada anak asnaf yang lain dalam membuktikan bahawa dana zakat dapat melahirkan lebih ramai lagi anak-anak asnaf yang berjaya dan cemerlang dalam pendidikan. Ini juga dapat memberi persaingan pendidikan umat Islam dengan agama dan bangsa yang lain di Perak serta meningkatkan dan memartabatkan ilmu pengetahuan.

Berikut pula menunjukkan kadar bantuan program pembangunan pendidikan di negeri Perak.

**Jadual 4.4: Kadar Bantuan Program Pembangunan Pendidikan
di Negeri Perak**

BIL	SKIM BANTUAN	ASNAF	KADAR BANTUAN
1	Bantuan Persekolahan	Fakir Miskin	Rendah – RM200.00 Menengah – RM300.00 Menengah Atas – RM450.00
2	Bantuan Am Pelajaran	Fisabilillah	Sijil – RM400.00 Diploma – RM450.00 Ijazah – RM600.00
3	Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal	Fakir Miskin	RM1,000.0/setahun
4	Dermasiswa Dalam Negara	Fisabilillah	Pondok – RM1,200.00 Diploma – RM3,000.00 Ijazah – RM4,500.00

5	Dermasiswa Luar Negara	Fisabilillah	<p>Mesir</p> <p>Pondok – RM4,000.00</p> <p>Diploma – RM4,000.00</p> <p>Ijazah – RM5,5000.00</p> <p>Jordan</p> <p>Pondok – RM4,000.00</p> <p>Diploma – RM4,000.00</p> <p>Ijazah – RM12,5000.00</p> <p>Morocco</p> <p>Ijazah – RM7,000.00</p> <p>Indonesia</p> <p>Pondok – RM4,000.00</p> <p>Diploma – RM4,000.00</p> <p>Ijazah – RM5,5000.00</p>
6	Insentif Kecemerlangan Pelajar (Sarjana Muda)	Fisabilillah	<p>Mesir/Jordan/Morocco</p> <p>Mumtaz – RM4,000.00</p> <p>Jayyid Jiddan – RM3,000.00</p> <p>Jayyid – RM1,000.00</p>
7	Bantuan Tambang Perjalanan Pergi/ Balik Sehala	Ibnu Sabil	<p>Pertimbangan Ahli Mesyuarat</p>
8	Sewa Bangunan/ Kelas Saudara Baru	Muallaf	<p>Pertimbangan Ahli Mesyuarat</p>

Berdasarkan jenis dan bentuk kadar bantuan yang telah disediakan oleh MAIAMPk, ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai skim bantuan yang diwujudkan sama ada dari peringkat rendah, menengah, di dalam Negara maupun di luar Negara. Ini adalah untuk meningkatkan tahap ilmu masyarakat terutamnya di negeri Perak dalam melahirkan generasi yang berilmu serta membantu golongan yang berkemampuan dalam melanjutkan pelajaran serta memperolehi keputusan yang cemerlang.

Ini sebagaimana dapat dilihat akan perbelanjaan MAIAMPk dalam Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal untuk pelajar miskin yang cemerlang dalam pelajaran. Contohnya pada tahun 2016 telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam kalangan anak asnaf fakir dan miskin iaitu seramai 83 orang pelajar menerima biasiswa pelajaran baitulmal MAIAMPk yang menetapkan kelayakan akademik 3A hingga 6A bagi melayakkan mereka mendapat bantuan tersebut. Sejak tahun 2012 pelaksanaan skim tersebut, MAIAMPk telah membelanjakan sebanyak RM 1.33 juta yang melibatkan pemberian daripada peringkat menengah.⁸⁹ Skim tersebut menunjukkan keberkesanan daripada sudut pemberian dana zakat kepada pembelajaran anak-anak asnaf yang memperolehi keputusan yang cemerlang.

4.5 Penentuan Had Kifayah Dan Hubungannya Dengan Pendidikan Di Perak.

Had kifayah memainkan peranan bagi menentukan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menampung keperluan harian. Ianya dikira berdasarkan pelbagai pembolehubah seperti bilangan ahli dalam isi rumah, kumpulan umur dan lain-lain. Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR,2007) telah menggariskan beberapa komponen utama dalam menentukan keperluan had kifayah seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan berdasarkan *Maqasid al Syariah* (Objektif Syariah).⁹⁰

Terdapat tujuh kategori telah dikenalpasti perlu diambilkira dalam menentukan *Haddul Kifayah* iaitu ketua keluarga, dewasa, dewasa bersekolah, remaja bersekolah, kanak-kanak bersekolah, remaja atau kanak-kanak tidak bersekolah dan kanak-kanak berumur bawah 5 tahun. Penentuan *haddul kifayah* adalah berbeza mengikut lokasi iaitu

⁸⁹ www.maiamp.gov.my/maiamp2

⁹⁰ Yusuf Qardhawi (1973), *Fiqh al-Zakah*, edisi pertama. Beirut:Muassasah al-Risalah.h103

bandaraya (tertakluk di bawah kuasa pentadbiran Dewan atau Majlis Bandaraya), kawasan bandar (adalah tertakluk di bawah kuasa pentadbiran Majlis Perbandaran atau Daerah) dan kawasan luar bandar (kawasan di luar persempadanan Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau kawasan operasi Majlis Daerah). Status rumah merujuk kepada rumah percuma (rumah milik sendiri atau didiami secara percuma) dan rumah berbayar (rumah milik sendiri yang belum habis dibayar atau rumah sewa dan seumpamanya).⁹¹

Namun begitu, penentuan had kifayah tersebut adalah bergantung kepada setiap institusi zakat negeri untuk menentukan keperluan setiap komponen ini. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa had kifayah adalah berbeza bergantung kepada bilangan ahli isi rumah dan kumpulan umur dalam isi rumah.

4.5.1 Penentuan Kadar Had Kifayah.

Penggunaan had kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin. Imam Al-Qardhawi mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan keselesaan untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti di mana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau mencukupi taraf hidup Keperluan Asas (*Daruriyyat*) dan Keselesaan (*Hajiyat*).⁹²

⁹¹ JAWHAR. 2007. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri.

⁹² Mohd Parid Syeikh Ahmad, 2001, “Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam.” Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM

Di dalam penentuan had kifayah sebagaimana yang telah digariskan oleh MAIAMPk, ini menunjukkan terdapat perbezaan dari sudut penempatan isi rumah sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Maka, ini dapat dilihat akan perbandingan penentuan had kifayah bagi kedua-dua kawasan tersebut sebagaimana dalam Jadual 4.5.

**Jadual 4.5: Perbezaan Penentuan Had Kifayah Kawasan Bandar
Dan Luar Bandar**

KUANTITI	KATEGORI ISI RUMAH	HAD KIFAYAH (BANDAR)	HAD KIFAYAH (LUAR BANDAR)
1	Ketua Keluarga	549.00	380.00
1	Dewasa (Bekerja)	139.50	87.50
1	Dewasa (Tidak bekerja)	236.50	146.00
1	Dewasa Sekolah	274.00	203.50
1	Remaja Sekolah	236.50	166.50
1	Kanak-kanak Sekolah	179.50	130.50
1	Kanak-kanak	103.00	77.50
JUMLAH KESELURUHAN		1718.00	1191.50

Kemiskinan bandar dan luar bandar merupakan dua fenomena yang berbeza. Menurut Laporan Bank Pembangunan Dunia sejumlah 495 juta golongan miskin bandar pada tahun 2010 yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.⁹³ Dalam penentuan had kifayah, kedudukan isi rumah bagi sesuatu kawasan perlu diambil kira sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Perbezaan kos sara hidup antara bandar dan luar bandar yang jauh melebihi kos sara hidup sebenar akan

⁹³ Alam, F., Siwar, C., Talib, B., & Islam, R. 2011. *The Analysis of International Migration towards Economic Growth. American Journal of Applied Sciences*,8(8), 782.

memberikan gambaran yang mengelirukan terhadap kesan pengagihan zakat, serta proses penentuan golongan yang layak menerima zakat.

Ini dapat dilihat sebagaimana ukuran kemiskinan zakat (Had Kifayah) di Malaysia adalah berdasarkan garis kemiskinan tanpa mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup bandar dan luar bandar. Kebanyakan ahli akademik mengakui kepentingan pelarasan antara kos sara hidup di kawasan bandar dan luar bandar dalam mengkaji kemiskinan. Ketiadaan had kifayah berasingan antara kawasan bandar dan luar bandar telah menyebabkan kajian sebelum ini menggunakan garis kemiskinan (PGK) berdasarkan harga purata perbezaan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Berdasarkan anggaran rasmi yang menggunakan kaedah lama telah menunjukkan bahawa antara tahun 1980 dan 1993, kadar kemiskinan di bandar adalah lebih tinggi daripada kadar kemiskinan luar bandar. Oleh yang demikian, dalam menentukan garis kemiskinan bagi kawasan bandar dan luar bandar, faktor perbezaan kos sara hidup di seluruh kawasan ini hendaklah diambil kira. Ini kerana, walaupun kebanyakan taraf kemiskinan di luar bandar amat tinggi berbanding di kawasan bandar, penilaian dan penentuan sumber pendapatan ketua keluarga atau isi keluarga juga perlu diselaraskan dan diambilkira dengan jumlah bilangan tanggungan isi keluarga tersebut.

4.5.2 Penentuan Kadar Had Kifayah Dalam Pendidikan.

Dalam penentuan had kifayah bagi program pendidikan, bahagian zakat MAIAMPk telah menetapkan terdapat dua skim sahaja dalam pengagihan zakat iaitu Skim Biasiswa Baitulmal dan Skim Persekolahan. Kedua-dua skim tersebut juga diambilkira akan

kiraan purata had kifayah berpandukan kepada pendapatan ketua keluarga dan pasangan iaitu bagi kedua ibu dan bapa.

Bantuan zakat dalam program pendidikan di Perak juga mengambilkira daripada beberapa aspek. Penentuan ini terhad kepada jenis skim dan juga bergantung kepada penentuan kadar had kifayah sebagaimana yang telah digariskan oleh MAIAMPk. Ini sebagaimana dapat dilihat dalam Jadual 4.6 iaitu Skim Bantuan Zakat Bagi Program Pendidikan di Perak.

Jadual 4.6: Skim Bantuan Zakat Bagi Program Pendidikan di Perak.

BIL	SKIM BANTUAN	GOLONGAN
1	Bantuan Am Pelajaran	Fakir, Miskin dan Fisabilillah
2	Bantuan Persekolahan	Fakir dan Miskin
3	Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal	Fakir dan Miskin
4	Sewa kelas Fardhu ‘Ain Saudara Kita	Muallaf
5	Tambang Perjalanan Pergi Belajar Luar Negara	Ibnu Sabil
6	Tambang Perjalanan Balik Belajar Luar Negara	Ibnu Sabil
7	Per-kapita Sekolah Agama Rakyat	Fisabilillah
8	Per-kapita Sekolah Latihan Wanita	Fisabilillah
9	Bantuan KUISAS-Pelajar Luar Negara	Fisabilillah
10	Dermasiswa Dalam Negara	Fisabilillah
11	Dermasiswa Luar Negara	Fisabilillah

Berdasarkan jadual skim bantuan zakat tersebut, ini menunjukkan bahawa pengagihan zakat dalam sektor pendidikan bagi golongan fakir dan miskin diambilkira

berdasarkan purata had kifayah isi keluarga dan hanya melibatkan skim-skim tertentu sahaja serta hanya mengehadkan bantuan zakat pendidikan yang tertentu sahaja bagi takrifan asnaf fakir dan miskin. Ini menjelaskan bahawa hanya beberapa skim tertentu sahaja yang hanya diterima untuk mendapatkan bantuan zakat dalam sektor pendidikan di Perak. Seharusnya MAIAMPk memperbanyakkan lagi bentuk skim dan bantuan zakat kepada golongan asnaf yang bukan hanya terbatas kepada akhir dan miskin sahaja dalam membangunkan sektor pendidikan.

4.6 PENUTUP

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa beberapa usaha telah giat dijalankan oleh institusi zakat terutamanya Bahagian Zakat MAIAMPk dalam menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf dan usaha seperti ini harus diberikan pujian. Walaubagaimanapun, institusi zakat perlu memainkan peranan dengan lebih proaktif dari semasa ke semasa bagi menjamin skim dan bantuan zakat pendidikan ini sampai kepada mereka yang layak menerimanya dan memerlukannya memandangkan zakat pendidikan memainkan peranan penting dalam pendidikan asnaf melalui kepelbagaian skim dan bentuk bantuan pendidikan.

Begitu juga dalam kadar *haddul kifayah* memainkan penting dalam menentukan kelayakan asnaf untuk menerima zakat. Secara logiknya, kadar *haddul kifayah* yang terlalu rendah akan membawa kepada lebihan wang zakat yang tidak diagihkan. Ini secara tidak langsung akan turut mempengaruhi prestasi agihan zakat. Maka penentuan kadar *haddul kifayah* yang berpatutan ini adalah penting dalam pelaksanaan agihan zakat yang adil dan cekap. Ini dapat memastikan agihan zakat yang diberikan kepada asnaf benar-benar berkesan dalam mengurangkan bebanan asnaf tersebut.

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan terdahulu, berikut dikemukakan kesimpulan secara menyeluruh mengenai kajian “Pengagihan Zakat Terhadap Sektor Pendidikan di Perak: Kajian di Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak”.

5.1.1 Aspek Pelaksanaan Zakat Dalam Penentuan Had Kifayah

Had kifayah memainkan peranan bagi menentukan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menampung keperluan harian. Ianya dikira berdasarkan pelbagai pembolehubah seperti bilangan ahli dalam isi rumah, kumpulan umur dan lain-lain. Sebagai contoh, Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR) telah menggariskan beberapa komponen utama dalam menentukan keperluan Had Kifayah seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan berdasarkan *Maqasid al Syariah* (Objektif Syariah).⁹⁴ Ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh pengkaji pada bab sebelum ini.

Penubuhan Bahagian Zakat di Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak adalah untuk melaksanakan kewajipan kefardhuan dalam membantu asnaf-asnaf dengan mengagihkan bayaran zakat yang diberikan oleh umat Islam di negeri tersebut. Justeru itu, penentuan had kifayah perlu diambilkira dalam memastikan seseorang itu layak dalam menerima bantuan zakat terutamanya dalam bidang pendidikan.

⁹⁴ JAWHAR. (2007). *Manual Pengurusan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Terdapat banyak perbezaan antara corak perbelanjaan isi rumah dan corak kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, peratusan perbelanjaan isi rumah masyarakat bandar lebih banyak tertumpu kepada barang bukan makanan (*non food item*) seperti rumah, pengangkutan dan pelajaran. Ini berbeza dengan corak perbelanjaan di kawasan luar bandar yang banyak tertumpu kepada perbelanjaan makanan. Bagi golongan ini barang bukan makanan hanya di perolehi selepas keperluan makanan dipenuhi serta terdapat lebihan dari perbelanjaan makanan.⁹⁵ Selain itu, corak kemiskinan di bandar selalunya melibatkan hutang samada dengan bank atau institusi kewangan manakala di kawasan luar bandar, kemiskinan mereka tidak melibatkan hutang.

Ravallion dan Bidani⁹⁶ juga telah menyatakan bahawa garis kemiskinan di rantau itu tidak konsisten, yang menyebabkan pengiraan kemiskinan antara bandar dan luar bandar adalah mengelirukan. Bagi mereka persoalan 'konsisten' adalah perlu untuk membolehkan perbandingan yang betul antara kemiskinan bandar dan luar bandar. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa jumlah makanan (*food bundle*) antara bandar dan luar bandar yang diperlukan (2,100 kalori setiap orang) setiap hari bagi tahun 1990 berbeza dengan ketara antara satu sama lain, yang menunjukkan bahawa taraf hidup juga berbeza di antara kawasan bandar dan luar bandar.⁹⁷

Maka, dalam penentuan had kifayah adalah sesuatu yang relevan dan sesuai dalam memberi penentuan pengagihan zakat kepada golongan asnaf. Ini kerana, kadar kemiskinan di Bandar dan luar Bandar adalah berbeza yang memungkinkan para asnaf layak untuk mendapat zakat berdasarkan kiraan had kifayah yang telah ditetapkan.

⁹⁵ Alam, F., Siwar, C., Talib, B., & Islam, R. 2011, h.80.

⁹⁶ Ravallion, M., & Bidani, B. 1994. How robust is a poverty profile?. *The World Bank Economic Review*, 8 (1), h.75-102.

⁹⁷ Laporan Bank Pembangunan Dunia 2010; <http://data.worldbank.org/topic/poverty>

5.1.2 Pengagihan Zakat Membantu Mengatasi Masalah Keciciran Pelajaran

Keciciran dalam pelajaran atau pendidikan bermaksud seseorang yang tidak dapat meneruskan persekolahan. Masalah keciciran dalam pelajaran ini seringkali dibincangkan dengan serius terutamanya sejak tahun 1960an dan perbincangan serius ini telah membawa kepada pembentangan Laporan Murad 1972. Menurut kajian, 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami keciciran pelajaran. Manakala 35% pelajar sekolah yang berada di antara Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, tercicir dalam persekolahan.⁹⁸ Laporan ini menyimpulkan bahawa anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering tercicir dalam pelajaran kerana ibu bapa tidak mampu untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Taraf kelulusan ibu bapa yang rendah turut mempengaruhi kesedaran mereka mengenai kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak.⁹⁹

Masalah pendidikan adalah sesuatu yang amat membimbangkan kerana ia adalah penentu masa depan negara dengan melahirkan ramai insan yang berpendidikan tinggi. Taraf pendidikan yang rendah mungkin disebabkan faktor kawasan yang dididiami oleh penduduk pada sesuatu tempat. Jika dibandingkan kadar kemiskinan bandar dan luar bandar, peratus kemiskinan di luar bandar adalah sesuatu yang amat membimbangkan.

Faktor kemiskinan luar bandar adalah berpunca dari taraf pendidikan yang rendah. Menurut kajian, kadar buta huruf di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi

⁹⁸ Murad Mohd Noor. (1973). Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perangkaan.

⁹⁹ Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37. Jun 2011. Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37. Jun 2011.

berbanding dengan kawasan bandar di Malaysia.¹⁰⁰ Keadaan ini menyebabkan penduduk luar bandar yang berpendidikan rendah tidak berupaya untuk mendapatkan pekerjaan yang mampu meningkatkan taraf hidup. Kadar kemiskinan luar bandar sukar untuk dibanteras dengan kekurangan golongan professional di antara penduduk luar bandar.

Justeru itu, dana zakat pendidikan turut membantu kerajaan Malaysia dalam menangani masalah pendidikan di kalangan fakir dan miskin. Ini jelas menunjukkan bahawa dana zakat turut memperuntukkan dana yang sangat besar dalam pendidikan Negara amnya dan di Perak khusunya.

5.1.3 Aspek Kutipan Zakat Daripada Golongan Asnaf

Kutipan zakat di negeri Perak begitu membanggakan sejak ditubuhkan. Ini menunjukkan bahawa Bahagian Zakat negeri Perak mempunyai sistem pentadbiran zakat yang baik. Usaha gigih pihak pengurusan zakat Perak dalam mempromosikan kutipan zakat di seluruh negeri Perak dilihat sebagai faktor utama peningkatan jumlah kutipan tersebut. Begitu juga dengan kemudahan pembayaran zakat yang disediakan oleh Bahagian Zakat negeri Perak melalui pelbagai cara bagi memudahkan orang ramai menuaikan tanggungjawab mereka. Selain itu, kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan swasta juga menyumbang ke arah kejayaan ini.

Jenis-jenis harta yang dizakatkan di negeri Perak ialah zakat pendapatan, perniagaan (korporat), wang simpanan, saham, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

¹⁰⁰ D. Kyaw and J. K. Routray, *Gender and Rural Poverty in Myanmar: A Micro Level Study in the Dry Zone*. Journal of Agriculture and Rural Development in the Tropics and Subtropics Volume 107, No. 2, 2006, pages 103–114.

(KWSP), emas dan perak, tanaman, ternakan, zakat fitrah dan lain-lain. Zakat pendapatan dan perniagaan merupakan penyumbang terbesar kepada dana zakat sejak tiga tahun kebelakangan ini. Ini telah menunjukkan peningkatan prestasi kutipan zakat saban tahun dan kesedaran masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab menunaikan kewajipan berzakat.

Harta-harta yang dikenakan zakat di negeri Perak adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Secara umumnya, syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh al-Qardhawi iaitu sempurna milik, harta yang berkembang, cukup nisab, lebih daripada keperluan asasi, bebas daripada hutang dan cukup hawl telah dipraktikkan di negeri Perak. Ini menunjukkan bahawa bagi yang tidak mencukupi syarat-syarat tersebut maka ia tidak diwajibkan untuk berzakat. Dengan penetapan syarat-syarat tersebut, ini akan memudahkan lagi pihak zakat untuk mengutip dana zakat daripada masyarakat serta dapat melaksanakan pengagihan dana zakat kepada golongan asnaf yang layak menerimanya.

5.1.4 Aspek Agihan Zakat Kepada Asnaf Dalam Pendidikan

Menurut Dr. Yusuf Qardawi¹⁰¹, zakat diagihkan kepada kelapan-lapan asnaf sebagaimana yang telah disebutkan dalam Surah al-Tawbah ayat 60, walaupun terdapat di kalangan para ulama' yang menafikan beberapa bahagian untuk beberapa asnaf berdasarkan konteks semasa seperti asnaf muallaf, riqab dan ibn al-sabil. Sepertimana pandangan beliau tentang harta-harta yang dikenakan zakat, beliau bersikap lebih terbuka dalam mentafsirkan asnaf zakat berdasarkan keadaan semasa atau setempat.

¹⁰¹ *Ibid*

Pengagihan zakat juga perlu diberi keutamaan agihan kepada asnaf fakir dan miskin kerana objektif utama zakat adalah untuk membantu golongan tersebut. Manakala, dasar pengagihan bagi asnaf lain adalah bergantung kepada keperluan yang dipertimbangkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Penentuan kepada taraf kefakiran dan kemiskinan pula adalah ditentukan melalui had al-kifayah iaitu keperluan minima yang diperlukan. Oleh itu, agihan zakat bukanlah sekadar pemberian cukup makan tetapi haruslah menjadikan fakir miskin tersebut kaya raya dan boleh menjadi pembayar zakat.

Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

5.2 Cadangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik, penyelidik mendapati bahawa institusi zakat di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan pendidikan anak-anak golongan asnaf zakat iaitu melalui skim dan bantuan pendidikan yang telah diberikan. Ini dapat dilihat sebagaimana pengurusan zakat dari sudut pungutan dan agihan zakat di negeri Perak. Institusi zakat di Malaysia terutamanya di negeri Perak juga telah berusaha keras dalam melaksanakan aktiviti dan program pembangunan pendidikan kepada golongan asnaf zakat dan usaha yang berterusan ini seharusnya mendapat pujian daripada semua pihak.

Maka, golongan asnaf juga seharusnya memanfaatkan skim dan bentuk bantuan yang telah ditawarkan supaya dapat membantu meringankan beban mereka dalam membayar yuran persekolahan dan pengajian di institusi pengajian tinggi. Diharapkan bahawa dengan adanya skim dan bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh institusi zakat di Malaysia dapat menggalakkan golongan asnaf supaya mementingkan pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagaimana yang digalakkan dalam Islam iaitu menuntut ilmu adalah satu kewajipan kepada semua umat Islam. Dengan usaha seperti ini, ia seharusnya dapat menaikkan lagi martabat golongan asnaf, memperbaiki taraf hidup golongan asnaf, melahirkan lebih banyak lagi pelajar asnaf yang berjaya di dalam dan luar negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciciran pelajaran.

Walaubagaimanapun, beberapa aspek perlu diambilkira oleh Bahagian Zakat MAIAMPk dalam pengurusan zakat sama ada dari sudut pungutan mahupun agihan zakat. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh pengkaji pada bahagian kesimpulan, peranan dan kuasa zakat negeri-negeri terutamanya negeri Perak perlu diperkemaskan dan diperincikan supaya institusi zakat akan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Ini sebagaimana contoh di dalam bahagian kutipan zakat seharusnya diperbanyak kepada setiap agensi-agensi kerajaan badan berkanun mahupun swasta supaya dapat meningkatkan jumlah pendapatan kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat. Kewajipan dalam membayar zakat pendapatan di beberapa negeri lain adalah berbeza di negeri Perak yang tidak mewajibkan zakat pendapatan dengan berdasarkan beberapa pendapat ulama'-ulama' yang tidak mewajibkan. Ini kerana, zakat pendapatan dan simpanan adalah dua perkara yang sama di negeri Perak yang mana kewajipan tersebut hanya perlu ditunaikan oleh pembayar zakat sekiranya telah mencapai syarat-

syarat tertentu seperti cukup haul dan nisab. Ini menyebabkan kekurangan dari sudut kutipan zakat pendapatan oleh pembayar bagi yang telah bekerja disebabkan persamaan zakat pendapatan dan simpanan.

Selain itu, dalam aspek kutipan zakat di Perak, penyaluran informasi dan maklumat berkaitan kewajipan berzakat seharunya dipergiatkan serta kemudahan kepada pembayar dalam membayar zakat yang diwajibkan. Jika dilihat di beberapa negeri lain, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh institusi-insitiusi zakat dalam memudahkan para pembayar membayar zakat. Akan tetapi, bagi institusi zakat di Perak, hanya terdapat pembayaran online perbankan dan pembayaran tunai di kaunter bayaran zakat di MAIAMPk. Justeru, pengkaji mencadangkan agar diwujudkan satu sistem pembayaran online untuk zakat melalui laman sesawang MAIAMPk bagi memudahkan umat Islam di negeri Perak untuk membuat pembayaran zakat secara terus kepada institusi tersebut melalui internet sebagaimana yang telah diperaktikkan di beberapa negeri lain.

Dalam mencapai hasil pungutan zakat, perlu juga diambil kira akan agihan zakat terutamanya kepada golongan asnaf dalam sektor pendidikan. Bagi pengkaji, institusi zakat di negeri Perak diharapkan dapat memantapkan lagi dari sudut agihan zakat pendidikan seperti meletakkan jumlah sumbangan perseorangan kepada setiap individu yang telah menyambung pelajaran sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi. Walaupun bagi sesetengah program pendidikan di Perak telah diberi sumbangan zakat pendidikan seperti Bantuan Persekutuan, Bantuan Am Pelajaran dan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal, akan tetapi tiada ketetapan jumlah bantuan bagi setiap perseorangan yang layak menerima zakat pendidikan. Maka, pihak insitusi zakat

seharusnya mengkaji dan meneliti akan penetapan jumlah bantuan perseorangan bagi golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat dalam pendidikan.

Begitu juga penentuan kategori golongan asnaf yang layak menerima zakat bagi pelan Program Pembangunan Pendidikan di negeri Perak. Jika dilihat di dalam bab sebelum ini akan jadual senarai jenis skim bantuan zakat pendidikan, hanya Bantuan Persekutuan dan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal yang diambil kira akan penentuan kadar had kifayah di negeri tersebut. Ini menunjukkan bahawa penentuan kadar had kifayah hanya ditentukan untuk program tertentu sahaja dan tidak meliputi semua aspek. Justeru itu, perlunya keada pelarasannya penentuan had kifayah bagi setiap program pendidikan agar dapat diselaraskan dengan objektif agihan zakat itu sendiri dalam memberi bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf serta menghindarkan keciciran asnaf yang layak menerima bantuan zakat pendidikan.

5.3 PENUTUP

Usaha Bahagian Zakat MAIAMPk ini dilihat telah menampakkan hasil apabila bilangan anak-anak fakir dan miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat dari tahun ke tahun. Ia memberikan gambaran bahawa kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan anak-anak asnaf fakir dan miskin ini menjadi kebanggaan kepada Bahagian Zakat MAIAMPk serta pembayar zakat seterusnya mereka menjadi contoh kepada anak asnaf yang lain dalam membuktikan bahawa dana zakat dapat melahirkan lebih ramai lagi anak-anak asnaf yang berjaya dan cemerlang dalam pendidikan.

Oleh kerana zakat berfungsi sebagai sumber pengagihan sumber-sumber dari golongan kaya kepada golongan miskin (iaitu zakat mencegah penumpuan kekayaan di tangan orang kaya), ianya menjadi pendekatan yang berkesan untuk memerangi kemiskinan. Secara keseluruhannya, keputusan perbincangan ini haruslah diberi perhatian oleh MAIAMPk terhadap pembuat polisi khususnya kepada agensi pentadbiran zakat dalam menentukan Had Kifayah. Penentuan Had Kifayah dan pengurusan zakat yang efektif akan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi serta meningkatkan taraf pendidikan masyarakat Islam.

BIBLIOGRAGI

Al-Qur'an Al-Karim

Al-Hadith

Abd al-Hafiz al-Farghaly (t.t), "al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah," Juz. 3. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.

Abd Halim & Mohd Saladin (2011), "Pengurusan Agihan Zakat: Fiqh Zakat Malaysia". Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Ab Rahman, Azman dan Makhtar, Ahmad Wifaq. (2011). Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.

Abdul-Wahab, Mohamed et. al., 1995. Malaysia :A Case Study of Zakah Management in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework oN Zakah: Dimensions and Implication*. Jeddah: IRTI/IDB.

Abuzar Asra, 2000; "Poverty and Inequality in Indonesia: Estimates, decomposition, and key issues." *Journal of the Asia Pacific Economy* 5 (1/2)

Ahmad Shahir, M. (2007), Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS. *Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah kemajuan Ekonomi Ummah*. (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Cukai dan Zakat Kebangsaan, Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, 23 Mei). Malaysia: Kuala Lumpur.

Alam, F., Siwar, C., Talib, B., & Islam, R. 2011. *The Analysis of International Migration towards Economic Growth*. *American Journal of Applied Sciences*.

An-Nawawi (t.t), *Al-Majmu'*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

Azman Ab Rahman (2014), “*Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia*”, USIM.

Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (t.t), “Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini”(Kertas Projek, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia).

Bailey Kenneth (1982), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharuddin Sayin *et. al.* (2008), *Pengurusan Zakat Model UiTM*, Shah Alam: Unit Penerbitan Universiti.

Bukhari Umar, 2011. *Ilmu Pendidikan Islam*. Yang Menerbitkan PT Bumi Aksara : Jakarta.

Didin Hafidhuddin, (1998), *Dakwah Aktual*, Jakarta: Gema Insani.

Ghina Puspita (2010), “Penyaluran Dana Zakat Untuk Pendidikan Dalam Perspektif Imam Hanafi”. Fakultas Syariah dan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

H. Masjfuk Zuhdi (1997), “Masail Fiqhiyyah”. Jakarta: PT. Toko Gunung Agung.

Hassan Mat Nor (1998) “Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan”. In: Hassan Ishak (ed) Orang Asli dan cabaran pembangunan masa kini: Usaha dan tindakan yang direncanakan oleh JHEOA, Penerbit UKM, Bangi.

H. Zainal Abidin Ahmad (1979), *Dasar-Dasar Ekonomi Islam*, Cetakan IV. Jakarta: Bulan Bintang.

Ibn ‘Abidin (1994), “*Radd al-Mukhtar Syark Tanwir al-Arba’ah*”, Juz 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.

Ibn Manzur (1956) *Lisan al-Arab*, j.60, Beirut: Dar Sadir.

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP.

Ishak bin Sin, Nor Asikin Salleh (2003) Era globalisasi: Pendidikan dan cabaran. Jurnal

Pengurusan dan kepemimpinan.

Ishak Yussof et al (2009), Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Kepentingan

Memenuhi Keperluan Pasaran. In: Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (Eds.)

“Ekonomi Malaysia ke Arah Pembangunan Seimbang. BAngi: Penerbit UKM.

JAWHAR. 2007. *Manual Pengurusan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Julie Chernov Hwang (2007), “Islamic Mobilization and The Malaysian State”, *KATHA*

The Official Journal of The Centre for Civilisational Dialogue vol.3

Kamil, M. I. (2002). “*Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji Di Kalangan*

Kakitangan Awam”, Universiti Utara Malaysia.

Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia.

Lili Bariadi (2005), “*Zakat dan Wirausaha*”. Jakarta: CV. Pustaka Amri.

M. Quraish Shihab (2004), “*Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-*

Quran”, Vol. ke-5, Cetakan ke-2. Jakarta: Lentera Hati.

Mahbob Mahfot (2011), “*Beberapa Aspek Asas Perakaunan Islam*”, edisi kedua. Shah

Alam: UPENA.

Mahmood Zuhdi, A. M. (2003). *Pengurusan Zakat*. Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Shaltut (1993) “*Al-Islam Aqidah Wa Shariah*”, Cet. Ke-3. Beirut: Dar al-

Qalam.

Md Hairi Md Hussain (2009), “*Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Suatu Pandangan*

Awal”, Fakulti Perakaunan, Universiti Utara Malaysia.

Mohd Amim Othman (2004), “Golongan Berpendapatan Rendah:Perspektif Islam”,

dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (ed.), *Golongan Berpendapatan*

Rendah Realiti dan Cabaran.Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein dan Suhaina Musani, 2005. Peranan Institusi Bank Sebagai Agen Kutipan Dalam Aktiviti Bayaran Zakat: Kajian Ke Atas Pusat Zakat Selangor. Dalam *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*. 29-30 Ogos 2005. Selangor: ESSET Bangi.

Mohd Ghazali (t.t), “*Zakat Rukun Islam Ketiga*”. Perak: Pustaka Muda.

Mohd Parid Syeikh Ahmad (2001), “Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam.” Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Mohamed Izam, M. Y. (2010), Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan. *Zakat Transformation: From Subsistence to Productive*. (Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember). Malaysia: Penang.

Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, edisi kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad (2011), “*Kumpulan Hadits Sahih Al-Bukhari*”, Cetakan Pertama. Indonesia: As-Salam.

Muhammad Rasyid Rida (t.t), *Tafsir al-Manar*, Juzuk X, Beirut, Dar al-Fikr.

Muhammad Yasir, (1998), *Pengelolaan Zakat Dalam Pandangan Ulama Syafi'iah*, Jakarta, PT. Gramedia.

Mujaini bin Tarimin (1995), “Sistem Zakat al-Mal al-Mustafad dalam Syariah Islam: Satu Kajian Kes Pelaksanaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. (Tesis PhD,Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya)

Munawir bin Mohd Noh (2012), “*Dalil-dalil Pilihan Berkaitan Zakat: Al-Qur'an dan Hadith*”, Edisi Pertama. Perak: MAIAMPk.

Nukthoh Arfawie Kurde, (2005), *Memungut Zakat dan Infaq Profesi oleh Pemerintah Daerah (bagi pegawai negeri dan pegawai perusahaan daerah)*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Ragayah Haji Mat Zin. "Malaysia: Towards a Social Protection System in an Advanced Equitable Society." ASEAN Economic Bulletin 29.3 (2012): 197-217. *Project MUSE*.

Ravallion, M. 1992. Poverty comparisons. *Living Standard Measurement Study Working Paper*, 88.

Sayid Sabiq (1990), "Fikih Sunnah", Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Sidek Mohd. Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: UPM.

Sintha Dwi Wulansari (2013), "Analisis Peranan Dana Zakat Produktif Terhadap Perkembangan Usaha Mikro Mustahik (Penerima Zakat)(Studi Kasus Rumah Zakat Kota Semarang)". Fakultas Ekonomika dan Bisnis, Universitas Diponegoro.

Siti Aminah Mohd Sam, Seow Ta Wee (2013), Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 4. Geografi & Alam Sekitar dalam Pembangunan dan Transformasi Negara, pp. 483–489. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Syam al-Din al-Sarkashi (1993), "Al-Masbut", Juz 3. Beirut: Dar al-Fikr.

Syed Othman al Habshi (1990), Peranan dan Struktur Bayt al Mal, Zakat dan Wakaf Di Dalam Konteks Peralihan Arah Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Paper presented at the Seminar On Islam and Development organized by IIUM.

Yusuf al-Qardhawi (2000), *Fiqh al-Zakah*, English Translation by Monzer Kahf, Jeddah, Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.

Yusuf al-Qardhawi (1985), "Fiqh al-Zakat", jilid 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Yusuf al-Qardhawi, (2004), *Manajemen Zakat Profesional*, Pajang Solo: Media Insani.

- Yusuf Qardhawi (t.t), “*Hukum Zakat*”, Jakarta: Pt. Pustaka Litera AntarNusa.
- Zainol, B. (2008). “*Faktor-Faktor Penentu Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*”. Tesis PhD tidak diterbit, Universiti Utara Malaysia.
- Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37. Jun 2011. Zakiyah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37.